

Ekonomi rancak, raih RM406 billion

Selangor penyumbang terbesar KDNK dengan 25.9 peratus atau RM406.1 bilion pada 2023. Pencapaian ini lebih besar daripada gabungan 3 negeri utama Johor, Sarawak dan Pulau Pinang

MUKA 4

Kuota bumiputera ke matrikulasi kekal

PM beri jaminan kuota bumiputera untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia ke peringkat matrikulasi terus dikekalkan tanpa mengabai pencapaian cemerlang pelajar dari mana-mana kaum

MUKA 17



Kerja meroboh Stadium Shah Alam dijalankan kontraktor Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) bermula 1 Julai untuk membangunkan kompleks sukan serba moden dan berteknologi tinggi yang pembinaan fasa pertama dijadual siap pada 2026. Foto ZULFADHLI ZAKI ►BERITA MUKA 6

pancawarna

Pelan naik taraf hidup 7.04 juta penduduk

Ucapan Dato' Menteri Besar ketika bentang Kajian Separuh Penggal RS-1



9-10

Laporan kemajuan negeri hingga 2023

Rekod prestasi 16 petunjuk kejayaan capai Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur



12&13

Rancangan majukan sembilan daerah

Rancangan Selangor Pertama lebarkan nikmat ekonomi ke segenap lapisan rakyat



11

Sultan perkenan Hamidin menghadap

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj memberi perkenan terhadap permohonan presiden Persatuan Bolasepak Malaysia untuk menghadap Baginda.

Datuk Hamidin Mohd Amin memberitahu perkara itu dimaklumkan Setiausaha Sulit Baginda Dato' Mohamad Munir Bani kepadanya pada 28 Jun, lapor Bernama.

"Saya mendapat panggilan telefon Dato' (Mohamad) Munir kira-kira 2.30 petang Jumaat (28 Jun), sehari selepas saya menghantar warkah memohon perkenan menghadap Tuanku Sultan Selangor.

"Tuanku Sultan Selangor menitahkan beliau (Dato' Mohamad Munir) untuk menerima permohonan menghadap menerusi warkah yang saya utus ke Istana Bukit Kayangan, Shah Alam pada tengah hari Khamis lalu (27 Jun)," katanya pada 29 Jun.

Hamidin menjelaskan tarikh untuk menghadap Sultan Sharafuddin hanya dimaklumkan selepas 7 Julai sejurus selesai semua urusan rasmi Baginda.

Sedia 46 program kebajikan rakyat

SHAH ALAM - Iltizam Selangor Penyayang (ISP) program induk merangkumi pelbagai kelompok dalam masyarakat dalam menuju negeri inklusif dari sudut sosial, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu pelbagai inisiatif disediakan untuk membantu semua lapisan rakyat termasuk wanita, kanak-kanak, kumpulan kelainan upaya dan berkeperluan khas.

Beliau menjelaskan keberkesanan terhadap ISP yang meliputi 46 program antaranya kesihatan, keusahawanan dan penjagaan kanak-kanak dapat dilihat pada 2023 dan tahun seterusnya.

"Namun, dengan pelbagai program sosial yang sedang dilaksanakan di negeri ini, masih terdapat ruang untuk meningkatkan pengurusan sumber bagi mencapai impak yang diinginkan," katanya pada 4 Julai.

IMBAS DI SINI
akbar digital minggu lepas



Terima warkah istiadat tabal Agong

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj memberi perkenan menerima Warkah Persilaan Ke Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-17 Sultan Ibrahim.

Watikah itu dipersembah Pengurus Jawatankuasa Khas Acara-Acara Fahmi Fadzil di Istana Bukit Kayangan di sini pada 27 Jun sempena istiadat pertabalan di Istana Negara pada 20 Julai.

Menurut Selangor Royal Office, Ketua Pegawai Istiadat Kerajaan Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa Datuk Rozainor Ramli hadir dalam majlis penerimaan warkah tersebut.

Turut sama, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja/Setiausaha Majlis Raja-Raja Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad dan Datuk Paduka Maharaja Lela, Istana Negara/Pegawai Istiadat

Istana Negara Datuk Azuan Effendy Zairakithnaini.

Pada 31 Januari, Sultan Ibrahim melafaz dan menandatangani Surat Sumpah Jawatan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-17.

Pada 16 Mei, Fahmi yang juga menteri komunikasi berkata pelbagai acara sempena istiadat lima tahun sekali itu diadakan antaranya Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat di Masjid Negara.

Catat purata pertumbuhan 7.43 peratus

KDNK langkaui sasaran RS-1

Oleh **AFEEQA AFEERA ABDUL RASOL**

SHAH ALAM - Purata pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 7.43 peratus yang dicapai untuk tempoh 2021 hingga 2023 mengatasi sasaran Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Pelan lima tahun meliputi dasar dan pembangunan negeri secara menyeluruh yang dibentangkan pada Julai 2022 itu menetapkan pertumbuhan ekonomi tahunan antara 6.5 hingga 7.0 peratus.

Mengumumkan Kajian Separuh Penggal RS-1 pada 4 Julai, kejayaan itu menurut Dato' Menteri Besar mencerminkan keupayaan negeri dalam per-

tumbuhan ekonomi yang mampan dan berkesan.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia penting bagi menyokong pencapaian matlamat strategik ekonomi demi memastikan setiap langkah diambil sejajar pertumbuhan positif dan berkekalan.

"Sebahagian proses kajian itu untuk menilai semula beberapa sasaran utama, seiring keadaan dan konteks semasa dan memandangkan hala tuju seiring antara persekutuan dan negeri.

"Dengan pendekatan persekutuan untuk membangunkan negeri lain supaya lebih maju, pentadbiran ini meletak sasaran KDNK negara 27 peratus dengan melonjak ekonomi dalam RS-1," katanya.

Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 2 Julai menunjukkan

Selangor sekali lagi menjadi penyumbang tertinggi kepada sumbangan KDNK negara sebanyak 25.9 peratus tahun lalu.

Meningkat 0.4 peratus berbanding 2022, nilai ekonomi Selangor juga buat pertama kali mencecah RM406.1 bilion sekali gus menjadi negeri pertama di Malaysia melebihi paras RM400 bilion.

Selangor juga mencatat pertumbuhan ekonomi paling tinggi dengan nilai 5.4 peratus, melebihi pertumbuhan segerhana seluruh negara pada kadar 3.6 peratus tahun lalu.

Amirudin juga menambah pentadbiran negeri juga merekod pencapaian mengagumkan dengan purata nilai pelaburan RM39.4 bilion menerusi sektor utama yang kompleks.

Pendapatan lepasi sasaran RMK-12

SHAH ALAM - Pendapatan isi rumah penengah di Selangor melepasi sasaran Rancangan Malaysia ke-12, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Membentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Selangor Pertama (RS-1), beliau memberitahu pendapatan bulanan terkini kumpulan itu mencapai RM9,983 berbanding RM9,290 menjelang 2025.

"Kejayaan ini mencerminkan kesta-

bilan dan kemajuan ekonomi di Selangor serta usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat," katanya di Dewan Negeri Selangor pada 4 Julai.

Pendapatan isi rumah penengah antara satu daripada empat petunjuk makro bawah Teras 2 Peningkatan Ke sejahteraan dan Keterangkuman Sosial dalam dokumen RS-1.

Amirudin menjelaskan teras berke-

naan menjadi asas penting meliputi 98 Projek, Program dan Inisiatif (PPI) yang disusun dalam enam bidang tumpuan dan diterap melalui 21 strategi utama.

Beliau memberitahu sebanyak 12 PPI atau 12 peratus telah siap dilaksanakan manakala 86 lagi bersamaan 88 peratus masih dalam proses pelaksanaan.

"Pelaksanaan tema strategik ini diukur melalui 98 PPI, dengan penekanan pada pencapaian empat petunjuk makro," kata beliau lagi.

Buka potensi ekonomi pekan kecil

SHAH ALAM - Jajaran Rel Selangor berupaya membangunkan potensi ekonomi beberapa pekan kecil di utara Selangor, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu jajaran pantai barat itu berpotensi untuk membangunkan Kapar, Jeram, Kuala Selangor, Sekinchan dan Sabak Bernam malah

memberi manfaat di kawasan sempadan Perak.

"Usaha ini akan melengkap Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang menghubungkan Selangor dengan Pantai Timur Semenanjung Malaysia," katanya di sidang Dewan Negeri Selangor pada 4 Julai.

Amirudin menambah kewujudan Ja-

jarn Rel Selangor dari Klang ke Kuala Selangor, Tanjung Karang dan Sabak Bernam itu bertujuan menyeimbang pembangunan bandar dan luar bandar.

Katanya, usaha itu juga menyokong usaha untuk mengembangkan jaringan transit aliran ringan (LRT) selain memperkuuh ketersambungan batuan akhir (last-mile) melalui perkhidmatan bas.



PERSEMAH... Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menerima Warkah Persilaan Ke Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-17 yang disampaikan Menteri Komunikasi Fahmi Fadil di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam pada 28 Jun. Foto Facebook Selangor Royal Office

Kekal mutu perkhidmatan PBT

85 peratus tahap kepuasan penduduk

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Tahap kepuasan penduduk terhadap perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor pada kadar 89.8 peratus pada 2023, melebihi sasaran 85 peratus menjelang 2025.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu ia perlu dikekal secara berterusan sekali gus menunjukkan kesungguhan dalam memberi perkhidmatan bermutu kepada rakyat.

SHAH ALAM - Selangor menyasar sebagai pengeluar hasil utama produk pertanian bernilai tinggi dengan menumpukan peningkatan hasil menerusi teknik dan teknologi moden.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kaedah itu digunakan berikutan penggunaan tanah sedia ada yang terhad di Selangor disebabkan kadar urbanisasi tinggi.

"Seketika perdagangan memberi impak kepada Malaysia secara langsung dan mengganggu rantai bekalan makanan global, menjadikan

Membentang Kajian Separuh Penggal (Rancangan Selangor Pertama (RS-1) pada 4 Julai, beliau juga mengakui beberapa sasaran berkaitan PBT belum tercapai sepenuhnya.

"(Ini) menunjukkan komitmen kuat dalam meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat menggunakan pendekatan digital dan meningkatkan kepuasan terhadap perkhidmatan tempatan," katanya.

Bercakap dalam sidang Dewan Negeri Selangor, Amirudin berkata sebanyak 10 daripada 12 PBT memperoleh

sistem penggredan 95 peratus dan ke atas mengikut piawaian peringkat kebangsaan.

Mengingatkan prestasi itu tidak harus menyebabkan mereka leka dan menganggap tanggungjawab selesai, beliau berkata mutu perkhidmatan PBT membawa dampak terus kepada kehidupan rakyat.

Beliau merujuk prasarana awam asas meliputi jalan, kawasan riadah di taman, dewan, balai raya, kutipan pengurusan sisa serta perparitan terutama lokasi perumahan dan komersial.

keterjaminan makanan sebagai agenda keutamaan Selangor.

"(Justeru) Selangor meletakkan sasaran untuk mencapai tahap sara diri yang lebih tinggi bagi beradaptasi dengan cabaran-cabaran dalam rantai bekalan," katanya ketika membentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Selangor Pertama (RS-1) pada 4 Julai.

Bagi merealisasi hasrat itu, Amirudin berkata Program Pemecut Agroteknologi Selangor memperkenal projek menggunakan teknologi pengeluaran

makanan canggih seperti kompos, hidroponik dan fertigasi.

Beliau menambah dasar pengeluaran makanan (akuakultur dan ayam) turut dikaji semula untuk menyokong pemodenan bagi menghasilkan pengeluaran lebih tinggi dan bersih.

Katanya lagi, inisiatif baharu bawah Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) iaitu taman dan ladang agro pintar di Sungai Air Tawar, Jelutong Jati, Changkat Menteri dan Sungai Panjang menumpukan pengeluaran buah-buahan, sayur-sayuran dan daging.

Raja Muda sertai kayuhan UiTM

SHAH ALAM - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan menyertai kayuhan penutup program Kayuhan Kapsul Rentas Cawangan sempena sambutan 25 tahun Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebagai sebuah universiti di sini.

Tengku Amir Shah berkenan berkayuh bersama 12 lagi peserta bermula di Campus Puncak Alam ke UiTM Shah Alam bagi menamatkan kayuhan sejauh 2,000 kilometer yang menjelajah ke seluruh kampus universiti itu di setiap negeri di Semenanjung.

Simbolik kayuhan berkenaan adalah bagi membawa kapsul yang mengandungi hasrat serta harapan setiap kampus UiTM dan akan ditanam di monumen yang bakal dibina dan dilancar sempena acara kemuncak sambutan Malam Gala 25 Tahun UiTM pada 24 Ogos.

Buka semula jalan Batang Kali-Genting

HULU SELANGOR - Laluan B66 Jalan Batang Kali-Genting Highlands yang ditutup hampir dua tahun berikutan tragedi tanah runtuhan tapak perkhemanan Father's Organic Farm dibuka semula pada 1 Julai.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim berkata kerja membaiki dan membina tembok penahanan kini selesai sepenuhnya dengan kos RM19 juta.

Menurut beliau, sistem tersebut adalah dinding pengukuh yang diperkuat penahanan dan membolehkannya bersambung terus pada struktur sedia ada atau cerun yang stabil menggunakan teknik pemakuan tanah.

"Kajian telah dijalankan Jabatan Kerja Raya dan mendapat sistem ini sesuai digunakan untuk baik pulih cerun setinggi 25 meter di kawasan ini selain yang pertama di Selangor," katanya selepas meninjau laluan berkenaan.

Rizab simpanan air bersih bertambah

SHAH ALAM - Margin rizab simpanan air meningkat daripada 13.8 peratus pada 2023 kepada 15.6 peratus menjelang 2025, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Membentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Selangor Pertama (RS-1), beliau berkata usaha negeri antaranya skim bekalan air Sungai Rasau meningkatkan margin sebanyak 1.8 peratus.

Katanya, usaha menangani aduan gangguan bekalan juga dipacu inisiatif termasuk pengurangan air tanpa hasil (NRW) untuk mengurangkan bilangan paip yang pecah dan penggantian paip lama.

"Hasil inisiatif dan usaha berterusan ini, Kerajaan Negeri mencapai sasaran ketersementaraan air bersih setiap jam dalam sehari," katanya di sidang Dewan Negeri Selangor pada 4 Julai.

Kaedah bersasar atasi kemiskinan

SHAH ALAM - Masalah kemiskinan mutlak berkurangan dari 0.7 kepada 0.5 peratus hasil usaha berterusan bagi mengatasi isu berkenaan secara bersasar, kata Dato' Menteri Besar.

Namun, Dato' Seri Amirudin Shari menyifatkan tahap kemiskinan sedemikian yang mencatat 1.5 peratus pada 2022 masih tinggi berbanding sasaran 0.5 peratus menjelang 2025.

"Kerajaan Negeri sedar terdapat cabaran yang perlu dihadapi untuk mencapai sasaran dan sedang berusaha keras untuk memperbaiki keadaan sosioekonomi semua lapisan masyarakat," katanya.

Menjelaskan kemiskinan relatif petunjuk penting dalam ekonomi moden, beliau berkata Selangor menyasarkan kadar 11 peratus menjelang 2025 berbanding 14.2 peratus pada 2022.

"Untuk mencapai sasaran, usaha yang lebih bersasar dan bersepadan perlu ditumpu bagi menangani kemiskinan bandar dan luar bandar," katanya.

Amirudin memberitahu Selangor juga mahu lebih banyak usaha bersasar dibuat bagi menangani kemiskinan mutlak dan relatif meskipun Selangor menoktahkan kemiskinan tegar pada 2022.

Lebih 12,000 tiket TSSC terjual

SEPANG - Lebih 12,000 tiket Perlawanan merebut Piala Sultan Selangor (TSSC) terjual dalam tempoh seminggu sejak 24 Jun, kata Pengurus dan Pengurus TSSC Tan Sri Abd Karim Munisar.

Beliau memberitahu angka berkenaan meliputi separuh kapasiti Stadium Merdeka yang bakal menyajikan perlawanan gergasi bola sepak Pilihan Selangor dan Pilihan Singapura pada 17 Ogos.

"Setakat ini, lebih 12,000 dijual dan angka ini lebih separuh memandangkan kapasiti penonton di stadium hanyalah 20,000. Tiket tempat duduk utama juga mendapat permintaan tinggi."

"TSSC kali ini ditunggu-tunggu peminat kerana perlawanan itu mengembalikan nostalgia pertembungan dua gergasi yang pernah beraksi di lokasi sama," katanya di Majlis Perbandaran Sepang pada 1 Julai.

Abd Karim juga memaklumkan tiket RM10 dan RM30 selain jersi TSSC boleh dibeli di Restoran Uncle K di pusat beli-belah SACC, Hotel Concorde Shah Alam serta Kuala Lumpur.

Tingkat capaian pengangkutan awam

SHAH ALAM - Sistem pengangkutan awam ditambah baik melalui Projek Mobiliti Selangor yang memperkenal perkhidmatan van transit atas permintaan (demand responsive transit atau DRT).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu projek yang diumum pada Belanjawan 2023 itu berkonsep jaringan perhubungan awam sekali gus memberi keselesaan untuk rakyat.

Beliau yang membentang Kajian

Separuh Penggal Rancangan Selangor Pertama (RS-1) menganggapnya sebagai langkah progresif yang memberi manfaat kepada penduduk Selangor dalam jangka panjang.

Katanya, hasil dapatan DRT yang dalam fasa akhir pelaksanaan projek rintis sebelum tamat pada Julai akan digunakan asas dan rujukan bagi menentukan hala tuju pelaksanaannya kelak.

"(Ini) termasuk model pelaksanaan terbaik yang boleh memberi impak

positif yang maksimum kepada rakyat dan Kerajaan Negeri," katanya di sidang Dewan Negeri Selangor pada 4 Julai.

Mobiliti Selangor diumumkan dalam Belanjawan 2023 bertujuan memodenkan lagi sistem pengangkutan awam sekali gus memperbaiki kebolehcapaian pengangkutan di Selangor.

Inisiatif itu fokus kepada integrasi semua aspek pengangkutan bawah satu bumbung, menggunakan analisis data untuk menyediakan sistem yang lebih berkesan dan selesa untuk rakyat.

Atasi gabungan tiga negeri utama

Saiz ekonomi RM406 billion

Oleh SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Saiz ekonomi Selangor bernilai RM406.1 bilion sepanjang tahun lalu, mengatasi gabungan tiga negeri utama, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu pencapaian tersebut mencipta sejarah berikut Selangor negeri pertama di Malaysia yang nilai aktiviti ekonominya melebihi paras RM400 bilion.

"Saiz dan nilai ekonomi Selangor lebih besar meskipun jika nilai ekonomi negeri lain seperti Johor, Sarawak dan Pulau

Pinang digabung.

"Selangor juga mencatat pertumbuhan ekonomi paling tinggi pada tahun lalu dengan peningkatan 5.4 peratus berbanding 2022," katanya dalam kenyataan pada 2 Julai.

Amirudin juga menjelaskan Selangor menyumbang 25.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), meningkat 0.4 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu 25.5 peratus.

Katanya, ekonomi negeri berkembang RM103.9 bilion sejak 2017 dari segi prestasi KDNK, naik 25.59 peratus sejak beliau mengambil alih tumpuk pentadbiran Selangor pada 2018.

"Selangor satu daripada empat negeri yang melepas pertumbuhan ekonomi parastnasional diikuti Pahang, Johor dan Kuala Lumpur," katanya yang merujuk laporan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Beliau menambah 61 peratus daripada keseluruhan ekonomi negeri disumbangkan industri perkhidmatan yang berkembang 6.1 peratus sekali gus menjadi nadi utama Selangor.

Katanya, industri pembinaan berkembang 10.2 peratus pada 2023 manakala pembuatan meningkat dua peratus bagi tempoh sama, sekali gus menghampiri satu pertiga keseluruhan ekonomi negeri.

Sumbang KDNK 25.9 peratus

SHAH ALAM - Sumbangan ekonomi Selangor kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat kepada 25.9 peratus pada 2023, bertambah lebih baik daripada 25.5 peratus tahun sebelumnya.

Pertumbuhan ekonomi negeri ini juga meningkat sebanyak 5.4 peratus, melebihi pertumbuhan sederhana seluruh negara pada kadar 3.6 peratus tahun lalu, menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Laporan pada 2 Julai turut menunjukkan pertumbuhan KDNK tiga negeri lain merekodkan angka melebihi kadar seluruh negara iaitu Pahang (5.2 peratus),

Johor (4.1 peratus) dan Kuala Lumpur (3.7 peratus).

"Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Pulau Pinang kekal sebagai penyumbang utama sebanyak 67.7 peratus kepada ekonomi Malaysia," kata Ketua Perangkawuan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Menurutnya, prestasi ekonomi Selangor dipacu sektor perkhidmatan yang berkembang 6.1 peratus, didorong pertumbuhan subsektor utiliti, pengangkutan dan penyimpanan dan maklumat dan komunikasi.

Pengembangan sektor pembuatan

sebanyak 2.0 peratus di negeri ini pula disebabkan subsektor peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan serta produk minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan dan pemprosesan makanan.

Beliau berkata sektor pertanian yang merupakan penyumbang ketiga terbesar KDNK nasional pada 2023, meningkat sedikit sebanyak 0.7 peratus berbanding 1.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Mohd Uzir menambah ekonomi Malaysia berdasarkan Indeks Pelopor dari Januari hingga April lalu dijangka akan tumbuh berterusan dalam tempoh terdekat.

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
04 Khamis	5:45	5:55	7:08	1:21	4:46	7:29	8:45
05 Jumaat	5:46	5:56	7:08	1:21	4:46	7:30	8:45
06 Sabtu	5:46	5:56	7:08	1:21	4:46	7:30	8:45
07 Ahad	5:46	5:56	7:08	1:21	4:46	7:30	8:45
08 Isnin	5:46	5:56	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
09 Selasa	5:47	5:57	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
10 Rabu	5:47	5:57	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45

Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:46	5:56	7:09	1:21	4:46	7:29	8:45
5:46	5:56	7:09	1:21	4:46	7:30	8:45
5:47	5:57	7:09	1:21	4:47	7:30	8:45
5:47	5:57	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45
5:47	5:57	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45
5:47	5:57	7:10	1:22	4:47	7:30	8:45

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:46	5:56	7:09	1:23	4:48	7:32	8:47
5:47	5:57	7:09	1:23	4:48	7:32	8:47
5:47	5:57	7:09	1:23	4:48	7:32	8:47
5:47	5:57	7:10	1:23	4:49	7:32	8:47
5:47	5:57	7:10	1:24	4:49	7:32	8:47
5:48	5:58	7:10	1:24	4:49	7:32	8:47
5:48	5:58	7:10	1:24	4:49	7:33	8:47

Raja Muda lancar Tanjong Subang Jaya

FAS teroka bidang perhotelan

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SUBANG JAYA - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan untuk melancarkan Tanjong Subang Jaya, jenama perkhidmatan perhotelan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS).

Setiausaha Agung FAS Izrin Nabil Ismail memberitahu hotel bertema sukan bola sepak pertama di Malaysia dengan kapasiti 40 bilik membuka lembaran baharu dalam industri perhotelan.

Katanya, pembangunan RM2.5 juta itu melibatkan naik taraf bangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) yang menempatkan pejabat urusan FAS, restoran dan pusat fizioterapi Red Giant.



"Berpusat di Kompleks Sukan 3K, Tanjong Subang Jaya memfokuskan penggunaan kemudahan yang dibangunkan MBSJ dengan memberi nilai tambah melalui kegiatan pembangunan bola sepak FAS."

"Ia termasuk kursus jurulatih dan pengadil, klinik bola sepak, pengajuran acara sukan dan seminar peringkat tempatan dan antarabangsa serta perkhidmatan fizioterapi," katanya lagi.

Tengku Amir Shah yang juga presiden FAS menyempurnakan pelancaran jaringan jenama perhotelan Tanjong By FAS itu di pekarangan Kompleks Sukan 3K Subang Jaya di sini pada 30 Jun.

Menurut Izrin, logo Tanjong By FAS diinspirasi daripada bunga rasmi

negeri iaitu tanjung pecah sembilan yang melambangkan sejarah, kesatuan dan kejayaan sembilan daerah di Selangor.

"Pada hari ini FAS mencatat sejarah baharu dengan pelancaran satu jenama dalam perkhidmatan perhotelan dan hospitaliti."

"Walaupun dari pandangan kasar usaha ini mungkin berbeza daripada teras FAS iaitu memberi penekanan yang besar kepada pembangunan bola sepak akar umbi namun ia amat penting dan satu langkah yang amat besar kepada FAS ke arah mewujudkan kelestarian dan kemampanan industri bola sepak Selangor."

"Menerusi usaha bersama MBSJ pelancaran hotel ini turut bertujuan mewujudkan pusat komuniti dan sukan yang aktif serta sebagai inisiatif melestarikan industri bola sepak akar umbi di Selangor," katanya.

Selangor FC kemuka rayuan kepada MFL

SUBANG JAYA - Selangor FC memfail rayuan pada 29 Jun meski hukuman yang dikenakan Liga Bolasepak Malaysia (MFL) terhadap pasukan tersebut dikurangkan.

Enggan memberi perincian, Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Johan Kamal Hamidon memberitahu ia dibuat berdasarkan keputusan baharu selepas pertimbangan semula ahli lembaga MFL.

"Ya. Kita hantar rayuan kepada MFL berdasarkan keputusan yang dipertimbang semula. Perincian mengenai rayuan saya tidak boleh kongsi sebab tidak mahu mengganggu proses rayuan," katanya.

Beliau yang hadir pelancaran Tanjong Subang Jaya, jenama perkhidmatan perhotelan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), mengesahkan MFL belum memberi maklum balas setakat ini.

Pada 27 Jun, ahli lembaga pengarah MFL menggunakan budi bicara untuk menimbang semula hukuman terhadap Red Giants ekoran titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sehari kemudian.

Justeru, denda terhadap Selangor FC dikurangkan daripada RM100,000 kepada RM60,000 manakala pemotongan tiga mata dalam pertandingan Liga Super 2024-2025 dibatal. Larangan kehadian penonton juga ditarik balik.

ADVERTORIAL

KSSB imarah sambutan ibadah korban di Selangor

SHAH ALAM - Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) sekali lagi memeriahkan sambutan Aidiladha tahun ini dengan melaksanakan ibadah korban bersama-sama dengan komuniti kampung di sekitar Selangor.

KSSB bersama rakan niaganya, Hasil Perangsang Sdn Bhd (HPSB), telah menyumbangkan sejumlah besar haiwan korban untuk sambutan Aidiladha di beberapa buah kampung di negeri ini.

Sumbangan tersebut merangkumi 11 ekor lembu dan lima ekor kambing yang diagihihkan kepada lapan kampung berhampiran dengan tapak operasi KSSB di Selangor.

Inisiatif ini membolehkan lebih ramai penduduk setempat turut serta dalam ibadah korban, sekali gus mengeratkan hubungan antara syarikat dan masyarakat sekitar.

Aktiviti melapah dan mengagihkan daging korban yang berlangsung baru-baru ini dilakukan secara gotong-royong, melibatkan penduduk kampung dan wakil kakitangan KSSB serta HPSB sendiri.

Salah seorang kakitangan KSSB yang ditemui akui sangat teruja dan gembira kerana dapat bersama-sama dengan penduduk kampung menunaikan ibadah korban.

"Dalam masa sama kami juga berkesempatan mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk nilai kemasyarakaka-



■ Penduduk kampung dan kakitangan KSSB serta HPSB bergotong-royong menyediakan daging untuk agihan



■ Daging lembu yang telah disembelih dilapah secara bergotong-royong



■ Salah seekor lembu ditumbangkan untuk ibadah korban pada Aidiladha baru-baru ini



tan bersama penduduk setempat," kata Rafizi Misuwan.

Penduduk kampung yang ditemui turut melahirkan rasa syukur dan berterima kasih atas sumbangan tersebut.

"Sumbangan ini sangat bermakna bagi kami. Ia membantu lebih ramai keluarga khususnya bagi golongan asnaf dan mereka yang kurang

berkemampuan," ujar Mohd Zamri Amis yang juga merupakan nazir di salah sebuah masjid yang melaksanakan ibadah korban itu.

Sementara itu, KSSB juga tidak ketinggalan melaksanakan sambutan Aidiladha dan ibadah korban dengan kerjasama anak syarikatnya Darul Khusus Venture Sdn Bhd (DKVSB) di

Rembau, Negeri Sembilan.

Majlis yang dijalankan bersama Ahli Jawatankuasa Surau Kampung Mungkal itu menumbangkan lima ekor kerbau dan seekor kambing bagi tujuan korban dan agihan kepada penduduk di empat buah kampung yang mendiami kawasan sekitar.

Ubah kedudukan ADN Selat Klang

SHAH ALAM - Kedudukan kerusi Ahli Dewan Negeri Selat Klang Datuk Abdul Rashid Asari dari blok pembangkang diubah selepas beliau menyatakan sokongan kepada pentadbiran Dato' Menteri Besar.

Speaker Dewan Negeri Selangor Lau Weng San berkata Abdul Rashid ditempat di antara blok pembangkang dan kerajaan buat sementara mengambil kira statusnya yang tidak menganggotai mana-mana parti.

"Ini (kedudukan) dilakukan mengambil kira kekananan beliau sebagai ADN penggal kedua dan kekananan beliau yang pernah memegang jawatan dalam kerajaan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri," katanya pada 4 Julai.

Weng San membuat keputusan itu ekoran Ketua Pembangkang Dato'Seri Mohamed Azmin Ali memohon cadangan bagi memastikan keharmonian dan kelancaran sidang dewan, lapor Bernama.

Kerja runtuh bermula 14 Jun

SHAH ALAM - Kerja-kerja meroboh Stadium Shah Alam sudah bermula selepas permit kelulusan dikeluarkan pada 14 Jun lalu, maklum datuk bandar Shah Alam.

Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata sesi perbincangan berkumpulan turut diajak pada 20 Jun bagi memuktamadkan penyediaan pelan cadangan pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA).

"Pada 20 Jun lalu, MBSA bersama Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan), Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) dan kumpulan perunding telah mengadakan sesi perbincangan di Double Tree Hotel, di sini.

"Sesi ini bertujuan menyelaras keperluan dan syarat teknikal bagi muktamad penyediaan pelan sebelum permohonan dikemuka secara rasmi kepada kita untuk kelulusan," katanya pada 26 Jun.

Kemuka bantahan cukai MBSJ

SHAH ALAM - Pemilik harta yang menerima notis nilai baharu daripada Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) boleh membuat bantahan sehingga 2 Ogos.

Bahagian Komunikasi Korporat Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik MBSJ memaklumkan 326,646 notis nilai baharu dihantar melalui pos kepada pemilik hartanah sejak 21 Jun.

"Bantahan nilai bahru boleh dibuat menerusi laman sesawang MBSJ melalui pautan bantahan.mbsj.gov.my/ sebelum atau selewat-lewatnya pada 2 Ogos," kata kenyataan baru-baru ini.

Menurut MBSJ, semakan itu bertujuan mengimbangi pendapatan, perbelanjaan dan pengurusan perkhidmatan yang kian meningkat bagi memastikan urus tadbir bandar raya itu lebih cekap.

Minimum kesan bunyi bising, habuk

SHAH ALAM - Faktor kesan bunyi, debu, kesesakan trafik, tiada mendapan yang dikhawatir mengganggu penduduk setempat diambil kira dalam membangunkan semula Kompleks Sukan Shah Alam.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Saipolyazan M Yusop, perkara itu dimasuk dalam perincian kepada pihak berkuasa tempatan, lapor

Harian Metro.

"Supaya kalau tidak ada gangguan sifar, sekurang-kurangnya seminimum mungkin dari segi gangguan bunyi, habuk dan sebagainya agar tidak berlaku kepada penduduk sekitar," katanya.

Beliau juga memberitahu sebanyak 10 ekar tanah di kompleks itu diserahkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran peringkat persekutuan bagi membina projek

mitigasi banjir.

"Saya dimaklumkan ia dalam proses penganugerahan untuk diberi kepada kontraktor dan dilaksana bersekali dengan projek ini.

"Kita dapat selesaikan keseluruhan masalah di kawasan itu, daripada akses, pengangkutan dan isu banjir di mana Seksyen 13 ini sangat sinonim seperti berlaku pada 2021," katanya.

Usaha elak ganggu penduduk

Roboh stadium tanpa bahan letup

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Kerja meroboh Stadium Shah Alam bermula 1 Julai dan dijangka mengambil masa kira-kira setahun, kata ketua pegawai eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.



Menurut Saipolyazan M Yusop, kaedah konvensional tanpa bahan letupan melalui dua jentera pemecah hidraulik bertujuan mengelak gangguan bunyi, habuk dan air terhad-

dap penduduk berdekatan.

"Kerja perobohan berlangsung selama setahun dan kita jangka bumbung bangunan mula dibuka pada penghujung bulan ini atau awal Ogos," katanya meninjau kerja perobohan di sini.

Beliau memberitahu kontraktor memulakan kerja tanah seperti tambakan bagi mempercepat proses membina stadium baharu apabila kerja meroboh pada peringkat pertengahan iaitu Oktober.

Katanya, MBI memantau proses tersebut dan laporan dihantar setiap

bulan bagi memastikan pelaksanaannya berjalan mengikut jadual.

Selain itu, Saipolyazan juga mewarankan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang memerlukan kerusi untuk digunakan di stadium masing-masing untuk membuat permohonan.

"Ada 86,000 kerusi di stadium ini dan kerja membuka bumbung dibuat selepas semua selesai dibuka. PBT boleh memanfaatkan kerusi sedia ada dan kita asingkan yang rosak," katanya.

Sebelum ini, MBI memaklumkan pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) membabitkan tiga fasa dijangka siap sepenuhnya menjelang 2029.

Kemudahan berteknologi canggih

SHAH ALAM - Kemudahan canggih termasuk padang boleh alih menjadikan Kompleks Stadium Shah Alam (KSSA) sebagai arena pengajuran pelbagai acara sukan dan kegiatan lain.

Menurut ketua pegawai eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan), teknologi itu membolehkan acara lain termasuk badminton, hoki dan tenis diadakan tanpa merosakkan padang.

"Pembinaan berkemudahan canggih memenuhi piawaian antarabangsa dan KSSA menjadi satu-satunya kompleks yang menawarkan kepelbagaiaan fasiliti," kata Saipolyazan M Yusop seperti dilapor Berita Harian.

Beliau berkata kompleks itu juga dilengkapi permainan kanak-kanak, ruang rehat, interaktif dan pendidikan, pusat untuk belia serta akses bagi orang

kurang upaya dan warga emas.

"Selain itu, bazrena (pasar pagi) di kawasan stadium pada setiap hari Ahad dikekalkan serta dimodenkan supaya lebih teratur," katanya lagi.

Saipolyazan juga menjelaskan stadium baharu itu yang boleh memuatkan antara 40,000 hingga 45,000 penonton dibina berbumbung, berhawa dingin dan tempat duduk ada pemanas suhu.

Sumbang royalti tanda solidariti

SHAH ALAM - Wakil rakyat Lembah Jaya menganggap sumbangan separuh kutipan royalti harta inteleknya pada tahun ini kepada Selangor FC bagi membayar denda sebagai tanda kebersamaan.

Altimet atau nama sebenar Syed Ahmad Syed Abdul Rahman Alhadad juga menyifatkan keputusannya itu juga sebagai membala budi terhadap Red Giants yang sering menampilkan aksi menarik.

"Ini sebagai tanda solidariti. Selangor FC lebih daripada mampu untuk bayar denda tetapi ini untuk tunjuk-

kan sokongan kita kepada industri sukan yang selama ini dianggap hiburan.

"Selangor FC banyak beri hiburan dan ini untuk balas budi selain beli jersi, barang-barang lain," kata penyanyi dan komposer terkenal itu dalam program Hai Selangor pada 1 Julai.

Dalam laman X minggu lalu, Altimet menawarkan sumbangan itu ekoran Selangor dihukum denda RM100,000 ekoran menarik diri dari perlawan Piala Sumbangsih menen-

tang JDT pada 10 Mei.

Namun, Liga Bolasepak Malaysia (MFL) kemudian mengurangkan hukuman kepada RM60,000 selain membatal pemotongan tiga mata dalam Liga Super 2024-2025.

Altimet menambah hukuman MFL memberi dampak positif dalam menyatupadukan penyokong bola sepak tempatan dan ia terserah menerusi kutipan tabung solidariti yang ditubuhkan Kerajaan Negeri.



Negeri jalankan kaji selidik

Kuota khas wanita miliki kediaman

Oleh SOFIA NASIR

KUALA SELANGOR - Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyediakan kuota khas kepada golongan wanita bagi memiliki kediaman sendiri.

EXCO Pembangunan Wanita Anfaal Saari memberitahu usaha berkenaan akan dilakukan selepas kaji selidik berkaitan pemilikan rumah melibatkan golongan wanita selesai dijalankan.

Katanya, kaji selidik tersebut dibuat secara usaha sama melibatkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), Universiti Utara Malaysia serta Wanita Berdaya Selangor (WBS).

"Ia (kuota) pernah dibangkitkan sebelum ini dalam sidang dewan neg-



eri, khususnya berkaitan kuota khas pemilikan rumah kepada ibu tunggal, golongan kurang upaya dan warga emas.

"Kita ada skim rumah mampu milik seperti Rumah Selangorku dan sebagainya. Saya percaya polisi perumahan ini boleh diberi juga kuota khas kepada golongan tersebut," katanya.

Beliau ditemui ketika menyempurnakan program kesedaran undang-undang pemilikan harta dan rumah anjuran LPHS dan WBS di De Palma Resort di sini pada 29 Jun.

Menjelaskan tiada data pemilikan harta oleh wanita, Anfaal berkata hasil kaji selidik membabitkan 1,000 responden di tiga zon seluruh negeri itu dijangka selesai hujung Julai.

Beliau juga menegaskan dasar polisi berkenaan bukan bersifat diskrimi-

nasi sebaliknya usaha untuk memberi keadilan sosial kepada semua pihak yang memerlukan.

Selain itu, Anfaal berkata beberapa berita baik akan diumum dalam persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS) yang bermula 4 Julai.

Beliau memberitahu ia antaranya pelancaran semula Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan 2024-2026 serta penubuhan Yayasan Insan Istimewa Selangor.

"Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan 2024-2026 dilancarkan pada 30 Mei. Pada DNS lalu, kita sasar untuk siap dan dilancarkan semula.

"Yang kedua, prapromosi berkaitan penubuhan Yayasan Insan Istimewa Selangor. Kami sasarkan pada November untuk peluncuran yayasan itu.

"Ia memberi manfaat kepada anak kurang upaya termasuk belia," katanya pada 29 Jun.

MPS terima lebih 44,000 bantahan

GOMBAK - Sebanyak 44,029 bantahan kadar cukai taksiran baharu diterima setakat 31 Mei, kata Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS) Shahman Jalaluddin.

Memaklumkan sesi pendengaran dia-dakan berperingkat mulai 1 Julai hingga 30 Ogos, beliau berkata notis makluman dikirim melalui e-mel dan sistem pesanan ringkas kepada pembantah.

"Ia hanya melibatkan bantahan setakat 31 Mei. Bantahan selepas itu iaitu 1,712 ditolak untuk pendengaran," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat di Menara MPS di sini pada 26 Jun.

Menjelaskan nilai semula itu dibuat selepas 32 tahun menggunakan kadar pada 1992, Shahman menambah notis semakan nilai semula dibuat melalui peruntukan Seksyen 141 (Akta 171).

Untuk pertanyaan lanjut mengenai bantahan, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS melalui talian 03-6126 5905/5906/5907.

Tujuh PBT lain juga tidak membuat semakan antara 20 hingga 40 tahun lalu termasuk Majlis Perbandaran Kajang paling lama iaitu 39 tahun sejak 1985 serta Majlis Perbandaran Kuala Langat selama 37 tahun sejak 1987.



NOTIS PEMBERITAHUAN PERUBAHAN NAMA ANAK SYARIKAT

Kami dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa, berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2024**, nama anak syarikat kami akan bertukar dari **Worldwide Landfills Sdn Bhd** kepada **Worldwide Entech Sdn Bhd**. Perubahan ini mencerminkan inisiatif penjenamaan semula strategik kami agar lebih sejajar dengan keupayaan kepelbagaiannya portfolio dan arah tuju kami dalam perkhidmatan pengurusan alam sekitar.

Kerjasama pihak tuan/puan untuk mengemas kini rekod berkaitan perubahan ini amatlah dihargai. Untuk makluman, operasi perniagaan kami, termasuk semua kontrak dan perkhidmatan, akan diteruskan seperti biasa. Alamat pejabat, nombor telefon dan emel kakitangan berkaitan juga masih kekal sama.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut mengenai perubahan ini, sila berhubung dengan Bahagian Komunikasi Korporat kami di +603 5526 2525 atau menerusi emel corporate.communication@whb.com.my.



Agih RM645,750 geran lonjak niaga

KLANG - Seramai 40 usahawan tani menerima insentif geran RM645,750 bagi meningkatkan potensi perniagaan masing-masing, kata menteri pertanian dan keterjaminan makanan.

Datuk Seri Mohamad Sabu berkata geran tersebut meliputi 10 projek bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) termasuk geran Agropreneur Muda dan geran Agrobazaar Rakyat.

"Kementerian menerusi Fama dan Lembaga Pertubuhan Peladang sentiasa proaktif memperkasa usahawan termasuklah dalam pemasaran produk agromakanan negara," kata beliau pada 29 Jun.

Katanya, Fama sebagai agensi peneraju utama pemasaran produk agromakanan negara berperanan memperluas saiz pasaran dan meningkatkan pendapatan pengeluar makanan serta ketersediaan bahan makanan.

20,000 mohon subsidi diesel

KLANG - Sebanyak 18,642 permohonan bantuan subsidi diesel melibatkan petani dan pekebun kecil (Agri-Komoditi) diterima setakat ini.

Menteri pertanian dan keterjaminan makanan memberitahu pihaknya berharap lebih ramai petani dan pekebun kecil memohon bantuan bawah inisiatif Budi Madani itu.

"Kita harap ramai lagi akan memohon dan kementerian akan membantu mereka," kata Datuk Seri Mohamad Sabu selepas merasmikan Fama Fest 2024@Selangor di sini pada 29 Jun.

Inisiatif yang dibuka sejak 28 Mei adalah platform menyalur bantuan tunai subsidi kepada pemilik kenderaan diesel melalui kategori individu dan komoditi.

Peluang orang ramai anjur jualan murah

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) membuka permohonan dalam talian untuk orang perseorangan mengadakan jualan murah barang asas pada harga rendah.

Menurut agensi itu di Facebook, pihak yang berminat menganjur Jualan Ehsan Rahmah (JER) boleh memohon menerusi pautan forms.gle/3xE6acRZV17X2zT6 atau imbas kod QR pada poster.

Pada 15 Januari, Pengurus Besar Sektor Perniagaan dan Pemasaran PKPS Rosnani Abd Malik berkata permohonan juga boleh dibuat melalui wakil rakyat, ketua kampung, pihak berkuasa tempatan, ahli majlis atau jabatan kerajaan.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 setiap pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM13).

Teruja naik belon panas percuma

SHAH ALAM - Menaiki belon udara panas secara percuma antara tarikan utama Pilih Karnival Mega selama dua hari mulai 29 Jun anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Suhana Sulaiman, 45, datang dua kali bagi membawa anaknya Aiman Fuad berusia enam tahun untuk merasai pengalaman 'terbang' dua minit pada ketinggian kira-kira 70 kaki.

"Semalam (29 Jun) datang tetapi saya tidak sempat beratur kerana sudah tutup. Jadi, saya datang sekali lagi kerana mahu anak merasai pengalaman manis ini.

"Ini pertama kali saya dan anak naik

belon udara panas. Kami sangat teruja dan bertuah," kata pengusaha pastri dan kek itu pada 30 Jun.

Suri rumah Abby Jamil, 39, juga tidak melepaskan peluang sama selepas menyertai acara zumba di karnival yang berlangsung di Dataran Kemerdekaan di sini.

"Bukan selalu belon udara panas ada di Shah Alam. Jadi, saya ajak anak naik bersama dan dia sangat gembira dan langsung tidak takut pada ketinggian," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNS Md Kamarzan Md Rais berkata karnival itu menyebarkan luas maklumat hartanah



PKNS selain berhibur bersama keluarga.

Katanya, tiga produk PKNS yang dilancarkan tahun ini dipromosi iaitu perumahan Antara Gapi di Serendah, taman perindustrian hijau dan perumahan Puteri Ariana 2, masing-masing di Kota Puteri, Rawang.

"Kita turut memperkenal projek keempat iaitu 218 unit projek Aludra di Selangor Cyber Valley (SCV) di Cyberjaya yang bakal dilancarkan Julai ini pada harga jualan bermula RM555,000.

"Sepuluh pembeli terawal yang membuat tempahan dalam dua hari karnival berlangsung akan menerima baucar barang elektrik jenama Samsung bernilai RM2,000," katanya.

Manfaat 2,180 usahawan

Fama Fest catat jualan RM24.2 juta

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

KLANG - Sebanyak RM24.2 juta nilai jualan dicatat dalam Fama Fest anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) sejak 2017 hingga tahun lalu sekali gus memanfaatkan 2,180 usahawan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menjelaskan program berkenaan membantu memperluas pasaran serta meningkat-



kan pendapatan pengeluar makanan.

Katanya, program yang diadakan di Perak, Sarawak, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Sabah, Kelantan dan Kuala Lumpur menyasar jualan RM7.85 juta melibatkan 755 usahawan pada tahun ini.

"Selangor lokasi keempat tahun ini yang kita sasar potensi jualan RM750,000 dan memberi manfaat kepada 200 usahawan.

"Pengguna pula memperoleh produk berdasarkan pertanian dan in-

dustri asas tani pada harga berpatutan," katanya sempena Fama Fest 2024 di sini pada 29 Jun.

Berlangsung empat hari sejak 27 Jun, program itu menawarkan pelbagai jualan seperti makanan segar, menu masakan warisan Melayu, jualan beras putih tempatan serta produk agromakanan.

Menurut Mohamad, acara itu membantu usahawan tempatan mengeksport produk melalui sesi padanan melibatkan ejen dari United Kingdom, Hong Kong dan Kemboja dengan potensi jualan RM3 juta.

Riezman jual kopi, dekati peminat

SHAH ALAM - Penganjuran Pilih Karnival di Dataran Kemerdekaan di sini memberi peluang pengunjung menikmati pelbagai hidangan istimewa yang dijual artis terkenal tanah air.

Selebriti yang membuka gerai dalam karnival anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) antaranya pelakon Riezman Khuzaimi, 54, yang menjual kopi bawah jenama Kedai Kuppi.

Beliau yang memulakan perniagaan itu sejak 2019 gembira menyediakan sendiri kopi kepada pengunjung sekali gus berpeluang bertemu peminatnya di Shah Alam secara bersemuka.

"Saya buka beberapa kafe sekitar



Kuala Lumpur, Sepang dan Shah Alam. Akibat masalah kekurangan pekerja, saya terpaksa menutup semua kafe dan menjalankan perniagaan secara bergerak.

"Sekarang tiada pekerja dan saya sendiri yang bantu kopi ini," kata pelakon drama Cinderella itu pada 30 Jun.

Kedai Kuppi menyediakan pelbagai minuman berperisa oren, Americano, Spanish Latte, Cream Brulee Latte dan Mojito Soda Asam Boi pada harga antara RM7 hingga RM10.

Belajar membuat kopi di Aceh dan menggunakan biji kopi bermutu tinggi dari Vietnam, Riezman bercita-cita

ta mengembangkan perniagaan ke seluruh negara menjelang akhir tahun ini.

"Saya berharap dapat kembangkan perniagaan bersama usahawan mikro supaya kita dapat menjana keuntungan bersama sekali gus memperkenalkan kopi bermutu tinggi kepada peminat," katanya.

Pilih Karnival yang berlangsung dua hari pada 29 dan 30 Jun dianjur bagi mendekati orang ramai menerusi pelbagai aktiviti selain mempromosi produk PKNS kepada umum.

Ditubuh pada 1 Ogos 1964, PKNS menyambut ulang tahun ke-60 pada tahun ini sebagai agensi pembangunan negeri antara yang terunggul di Malaysia.



Tingkat taraf hidup



DIBENTANG pada Julai 2022, pelan pembangunan lima tahun Rancangan Selangor Pertama (RS-1) 2021-2025 mengangkat tema Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur.

Pertama kali dasar negeri seumpama ini digubal di Malaysia, ia menyasarkan 14 petunjuk kejayaan dalam empat teras utama: pengkuhan ekonomi, kesejahteraan hidup, pemacuan kelestarian dan tadbir urus berkesan.

Namun, Kajian Separuh Penggal (KSP) RS-1 yang dibentang di Dewan Negeri Selangor pada 4 Julai menambah dua lagi petunjuk kejayaan: mengekalkan hutan simpan bawah teras kelestarian, dan kepuasan penduduk terhadap pihak berkuasa tempatan (teras tadbir urus berkesan).

Menurut dokumen KSP RS-1, bagi 2021-2023, sebanyak 282

projek, program dan inisiatif digerakkan untuk menjayakan empat teras ini. Butiran lanjut projek dan program bagi mencapai 16 petunjuk itu di **muka surat 12 dan 13**.

Sementara halaman 11 memaparkan ringkasan pembangunan wilayah utama di semua sembilan daerah. Tiga pusat kemajuan wilayah utama: Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA), Zon Pembangunan Ekonomi Gerbang Maritim Selangor (ZPE SMG) dan Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selangor Selatan (IDRISS).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan sebab RS-1 digubal dan kenapa perubahan perlu dibuat bagi menilai kejayaan pelan tersebut. Bahagian awal dan hujung teks ucapan beliau dimuatkan di bawah.

Dalam tempoh tiga minggu, akan genap dua tahun setelah saya berdiri di dalam dewan yang mulia ini untuk membentangkan buat julung kalinya satu usaha perancangan pembangunan lima tahun yang dinamakan sebagai Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Pada 2 Julai, Jabatan Perangkaan Malaysia mengiktiraf bahawa Selangor telah mencipta rekod apabila sumbangan negeri ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia sebagai yang tertinggi dan meningkat kepada 25.9 peratus daripada 25.5 peratus.

Buat kali pertama, nilai ekonomi Selangor mencapai RM406.1 bilion, negeri pertama di Malaysia yang mencecah paras RM400 bilion.

Apabila saya membentangkan RS-1 pada Julai 2022, peratusan sumbangan Selangor kepada ekonomi negara berjumlah 24.8 peratus. Alhamdulillah, setelah

ikhtiar pentadbiran ini untuk melaksanakan perancangan yang terkandung dalam RS-1, kita sudah mula melihat bahawa pencapaian Selangor sudah meningkat berbanding dengan tempoh-tempoh sebelum ini.

Hari ini, kita tiba di fasa seterusnya setelah siri libat urus yang mencapai kemuncak dengan keberadaan para Ahli Dewan Negeri hari ini dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal (KSP) RS-1 yang mempunyai dua fokus.

Pertama, menilai keberkesanan sistem pelaksanaan negeri, dan kedua, melakukan beberapa anjakan seiring dengan usaha-usaha baharu negeri yang terkandung dalam (manifesto pilihan raya) Lima Tekad Untuk Lima Tahun, serta beberapa usaha baharu Kerajaan Persekutuan seperti yang berteraskan prinsip Ekonomi Madani dan pembaharuan KSP Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK 12), serta Pelan Induk

Foto REMY ARIFIN

Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) serta usaha kita pada hari ini iaitu Kajian Separuh Penggal RS-1.

KSP RS-1 menampilkan komitmen Kerajaan Negeri untuk memantau pelaksanaan pelan pembangunan lima tahun negeri Selangor yang pertama, selain melaksanakan semakan di detik separuh penggal selaras dengan fahaman rancangan jangka masa sederhana seumpama RS-1 adalah satu, dengan izin, "living document" yang memerlukan pendekatan 'agile' dengan mengambil kira situasi rantau dan dunia yang sentiasa berubah.

KSP ini menggunakan pakai pendekatan sistematik dalam menilai kemajuan dan mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam fasa pertama pelaksanaan RS-1 (2021-2023) dan melaksanakan pelarasan yang diperlukan.

Sumber sahih

Sepanjang pelaksanaan KSP ini, lebih daripada 120 pemegang taruh daripada pihak kerajaan dan swasta telah terlibat melalui pelbagai bengkel dan perbincangan bersemuka.

Pendekatan ini digunakan bagi memastikan dapatan kajian disahkan dengan sumber-sumber yang sah dan tepat serta rancangan-rancangan yang akan datang telah mendapat persetujuan dan sokongan daripada pemegang-pemegang taruh yang berkaitan.

Selanjutnya, beberapa sesi pengesahan telah dijalankan bersama ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, pihak pentadbiran Kerajaan Negeri, pejabat daerah dan tanah, pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri untuk memastikan kajian RS-1 ini dijalankan secara menyeluruh.

Selain itu, prestasi dan kesesuaian petunjuk-petunjuk makro bagi RS-1 telah dinilai bagi memastikan pengukuran dampak tersebut bersifat praktikal, relevan dan bermakna.

Memandangkan kita sudah pun melangkaui tempoh separuh penggal dalam pelaksanaan RS-1, izinkan saya mengambil peluang ini untuk menzahirkan rasa penghargaan dan terima kasih sepenuh hati saya kepada ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang lalu dan kini, agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor, pelaksana-pelaksana inisiatif, semua pemegang taruh dan rakyat Selangor secara amnya kerana telah memberikan kerjasama dan sokongan dalam melaksanakan RS-1 sejak pelancarannya.



Kita telah menyaksikan perubahan pada landskap makroekonomi global sejak bermulanya tempoh RS-1 pada 2021. Ekonomi global sudah mula bertambah baik pasca Covid-19, namun pemulihannya belum sempurna sepenuhnya.

Terus cemerlang

Peperangan di Ukraine awal 2022 telah mengakibatkan pertumbuhan global menjadi perlakan, mengakibatkan berlakunya satu siri krisis makanan dan tenaga yang memburukkan lagi isu-isu yang sedia ada termasuk isu inflasi, kos sara hidup yang tinggi, perang perdagangan dan bencana berkaitan iklim.

Ketegangan yang semakin memuncak di rantau Timur Tengah akibat keganasan regim Zionis terhadap rakyat Palestin (mulai Oktober 2023) pula menyebabkan berlakunya ancaman dan ketidakpastian baharu terhadap pertumbuhan ekonomi global.

Laporan Global Economic Prospect terbitan Bank Dunia (Jun 2023), OECD Economic Outlook Interim Report (September 2023) dan IMF World Economic Outlook (Oktober 2023) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi dunia yang perlakan pada 2024 iaitu 2.7 hingga 2.9 peratus.

Tinjauan Ekonomi 2024 oleh Kementerian Kewangan menjangkakan ekonomi Malaysia berkembang pada kira-kira 4 peratus pada 2023 dan mengunjurkan kadar pertumbuhan 4 hingga 5 peratus pada 2024 disokong oleh rangka kerja Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat.

Negeri Selangor terus cemerlang dengan mencatatkan sumbangan

terbesar kepada KDNK negara dengan jumlah sumbangan sebanyak 25.9 peratus pada 2023 berbanding 25.5 peratus (2022) dan 24.8 peratus (2021).

KDNK Selangor 2021 mencatat nilai pertumbuhan 5 peratus dan melonjak kepada 11.9 peratus pada 2022. Selangor merupakan negeri yang mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang paling tinggi pada 2023 dengan nilai 5.4 peratus.

Berikutan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia yang dijangka perlakan pada 2024, prospek ekonomi Selangor diunjurkan pada kadar 5.2 peratus untuk 2024, dijangka lebih baik daripada unjuran KDNK negara pada kadar 4 hingga 5 peratus.

Kajian separuh penggal merupakan satu usaha dan proses yang dibangunkan bagi menilai semula empat tema strategik dalam kerangka rancangan pembangunan lima tahun Kerajaan Negeri Selangor.

Dokumen hidup

KSP RS-1 adalah usaha julung kali yang dibuat oleh mana-mana negeri yang menampilkan keberanian pentadbiran ini untuk bukan sahaja merangka pelan pembangunan ekonomi tahunan yang dibuat melalui belanjawan negeri.

Proses pembangunan dan pelaksanaan pelan ini telah memberikan pengajaran kepada pentadbiran ini tentang kapasiti pelaksanaan yang dimiliki di peringkat negeri mahupun di daerah.

Dan sudah pasti di samping kejayaan yang telah kita capai terutamanya dalam projek berimpak tinggi, terdapat juga aspek-aspek yang perlu kita perbaiki dari segi prestasi, bukan hanya untuk mengekalkan negeri Selangor sebagai

negeri termaju di Malaysia tetapi mampu bersaing secara mampan dengan negeri-negeri maju di luar sana.

Kita bangunkan rancangan seumpama RS-1 ini bukan sekadar untuk melaksanakan projek berdampak tinggi ataupun program-program sosioekonomi.

Kesemua usaha ini adalah, dengan izin, "vehicle" untuk kita mencapai garis-garis makro utama yang bertujuan untuk mencapai satu hasrat utama iaitu meningkatkan kualiti dan taraf hidup seluruh warga Selangor.

Itu yang melatari dan menjadi asas kepada ikhtiar RS-1 iaitu Selangor sebagai sebuah Negeri yang Pintar, Berdaya Huni dan Makmur.

Negeri yang memberikan peluang pekerjaan baharu yang berkualiti tinggi terutamanya kepada generasi muda dan anak-anak Selangor. Negeri yang bersifat penyayang kepada anak-anak, wanita dan ibu bekerja, yang mampu menawarkan peluang hidup selesa kepada warga emas yang banyak berbakti dalam membangunkan negeri ini sebagai negeri maju.

Mereka inilah yang menjadi pemegang taruh utama dan pendorong kita untuk sentiasa memantapkan prestasi.

Dan seperti yang saya tekanan tadi, rancangan ini bukan satu dokumen yang statik tetapi KSP ini membolehkan usaha ini menjadi, dengan izin, satu "living document" yang memberi tindak balas kepada keperluan dan tuntutan semasa.

Inilah rangka kerja utama pentadbiran ini dan saya yakin kalau kita bekerja sebagai satu pasukan, kita dapat mencapai hasrat yang disasarkan ini.

Nikmat kemajuan 9 daerah

Rancangan Selangor Pertama (RS-1) menekankan pembangunan wilayah yang seimbang dan ingin mencapai integrasi lebih baik agar perubahan membawa kesan bermakna di peringkat akar umbi.

Pelan pembangunan wilayah yang utama: Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA), Zon Pembangunan Ekonomi Gerbang Maritim Selangor (ZPE SMG), Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selangor Selatan (IDRISS) dan

gabungan empat bandar raya Lembah Klang Raya.

Ia bertujuan menyediakan model pembangunan yang seimbang di kawasan barat Selangor yang kurang maju dan pembinaan metropolitan yang bersepada.

RS-1 bertindak sebagai pemangkin bagi pembangunan terancang yang membolehkan pihak berkuasa tempatan (PBT) memainkan peranan yang lebih bermakna dan aktif bersama-sama dengan Kerajaan Negeri.



Struktur pentadbiran RS-1 menyediakan pentas untuk perancang PBT bersama pegawai negeri dalam membentuk hala tuju, dasar dan prasarana kawasan pembangunan yang strategik.

Tujuan akhirnya, Kerajaan Negeri ingin melihat semua projek dan nikmat pembangunan dalam pelan lima tahun ini, 2021-2025, dapat dinikmati oleh penduduk setempat.

Sebagai dasar tidak buku, RS-1 sentiasa disemak agar berjaya mencapai 16 petunjuk kejayaan.



Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur


 Pengukuhan
Ekonomi

 Peningkatan
Kesejahteraan
dan
Keterangkuman
Sosial

 Pemacuan
Kelestarian

Tadbir Urus
S.M.A.R.T. dan
Berkesan

282

 Projek, Program
dan Inisiatif

20
Pemacu
Perubahan

7
Pemboleh
daya

TERAS 1

PENGUKUHAN EKONOMI

- Mengukuhkan lagi status Selangor sebagai nadi pertumbuhan ekonomi dan destinasi utama pelaburan berkualiti di Malaysia dan di Rantau Asia


TERAS 2

PENINGKATAN KESEJAHTERAAN DAN KETERANGKUMAN SOSIAL

- Menjadi negeri ideal untuk didiami dengan memberi penekanan kepada kesejahteraan dan kebajikan secara seimbang dan inklusif


TERAS 3

PEMACUAN KELESTARIAN



- Menjadi peneraju pembangunan lestari bagi memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang


TERAS 4


TADBIR URUS S.M.A.R.T. DAN BERKESAN

- Kerajaan moden, berwawasan dan berpaksikan rakyat untuk memudah cara pembangunan


PETUNJUK MAKRO
SASARAN
PENCAPAIAN TERKINI

6.5-7.0%
(purata 2021-2025)

8.5%
(purata 2021-2022)

RM23-35 bilion
(purata 2021-2025)

3.5-3.8 juta orang
(purata 2021-2025)

70%
(menjelang 2025)

SASARAN

RM9,290
sebulan
(menjelang 2025)

PENCAPAIAN TERKINI


RM9,983
sebulan (2022)

PETUNJUK MAKRO
SASARAN


15.00
 $\mu\text{g}/\text{m}^3$
(purata 2021-2025)

PENCAPAIAN TERKINI

20.38
 $\mu\text{g}/\text{m}^3$
(purata 2021-2022)

PETUNJUK MAKRO
SASARAN

100%
(menjelang 2025)


PENCAPAIAN TERKINI

49%
(2023)

93 Projek, Program dan Inisiatif
9 Sektor Tumpuan

4 Strategi Utama



98 Projek, Program dan Inisiatif

6 Bidang Tumpuan

21 Strategi Utama

39 Projek, Program dan Inisiatif

5 Bidang Tumpuan

14 Strategi Utama


52 Projek, Program dan Inisiatif

5 Bidang Tumpuan

12 Strategi Utama

282 Projek, Program dan Inisiatif

20 Pemacu Perubahan

31% (menjelang 2025)

31.7%
(2023)
*Penunjuk Makro baru

85%
(menjelang 2025)
*Penunjuk Makro baru

89.84%
(2023)
*Penunjuk Makro baru

Rintis khidmat terbaik

Oleh NADIAH ZAMLUS

Selangor bertuah berada di tengah-tengah kesepatan jaringan pengangkutan awam yang semakin maju. Namun, Kerajaan Negeri tidak leka, terus berusaha membina jaringan lebih dekat dengan rakyat terbawah.

Bagi mengukuhkan jaringan 50 laluan lebih 160 buah bas Smart Selangor yang membantu rangkaian rel, bas awam dan kereta sewaan di Lembah Klang, Kerajaan Negeri merintis projek van atau bas kecil.

Diumumkan dalam Belanjawan 2023, dilancarkan sebagai projek pertama di Malaysia yang berkonsep jaringan perhubungan ke segenap ceruk (first mile and last mile) kawasan penduduk padat.

Menggunakan kendaraan yang boleh dinaiki sehingga 12 penumpang, ia dapat menggantikan kemudahan Bas Smart Selangor ke laluan sempit dan penduduk ramai.

Sasaran tumpuan adalah kawasan berdekatan pengangkutan awam utama seperti rel dan stesen bas bagi melengkapinya perbatuan pertama dan terakhir.

Projek rintis ini cuba mengumpul data bagi menentukan, antaranya, tempat berhenti, laluan, tambang, kekerapan dan jumlah penumpang. Menggunakan kaedah bukti konsep, ia dijayakan Asia Mobility Technologies Sdn Bhd dan Badanbas Sdn Bhd.

Waktu pemilihan dibuat Kerajaan Negeri pada September 2023, hanya dua syarikat ini mendapat kelulusan Agensi Pengangkutan Awam Darat (Apad). Kelulusan ini diwajibkan bagi menjamin keselamatan penumpang.

Kerajaan Negeri bersetuju melantik kedua-duanya, kata EXCO Mobiliti Ng Sze Han pada Mei, untuk memenuhi “piawaian yang ditetapkan pihak berwajib memastikan keselamatan pengguna terjamin.”

Dalam tempoh percubaan sekarang, Asia Mobility dan Badanbas menggunakan empat buah van bermuatan 12 penumpang di lapan zon ujian dalam kaedah bukti konsep (proof of concept atau POC) seperti dipersetujui.

Asia Mobility cuba mengumpul data di empat lokasi: Ampang, Hulu Kelang, Puchong dan UPM-Serdang. Sementara Badanbas pula beroperasi di Subang Jaya, Petaling Jaya Utara, Petaling Jaya Selatan dan Sungai Buloh.

Kerajaan Negeri juga menegaskan dua syarikat ini dipilih “supaya sesuatu syarikat tidak membolot proses pengujian ini dan warga Selangor dapat menilai keselesaan dan keberkesanan” perkhidmatan mereka.

Setakat Mei, kata Sze Han lagi, lebih 40,000 orang menggunakan perkhidmatan projek Mobiliti Selangor ini, juga dikenali pengangkutan berdasarkan permintaan (demand responsive transit atau DRT).

Namun, jumlah ini meningkat kepada hampir 54,000 pengguna setakat Jun. Daripada jumlah ini, zon Subang Jaya mendapat 38 peratus penumpang, diikuti UPM Serdang (23 peratus), Puchong (13 peratus) dan Petaling Jaya Utara (9 peratus).

Ujian DRT ini juga mendapat dua kawasan



yang padat penduduk tetapi kurang jaringan pengangkutan awam mempunyai permintaan berbeza: penumpang di zon Sungai Buloh hanya 0.3 peratus berbanding UPM Serdang.

Untuk menjayakan percubaan ini, Kerajaan Negeri menampung sebahagian bayaran penumpang agar setiap orang hanya mengeluarkan RM2 bagi satu perjalanan.

Tiada salah guna

Selain subsidi kepada pengguna, perbelanjaan RM2.1 juta bagi setiap syarikat ini juga dikeluarkan untuk pemasaran, promosi, pembangunan teknologi, pengurusan dan pemantauan projek sulung ini.

“Bayaran ini tidak disalurkan sekali gus tetapi secara berperingkat-peringkat melalui tiga fasa untuk memastikan tiada penyalahgunaan peruntukan negeri,” tegas Sze Han.

Bagi menjawab tohmahan pembangkang, beliau juga menjelaskan dua syarikat ini diberikan tempoh terhad selama sembilan bulan sahaja, antara November lalu hingga bulan ini.

“Lesen bukti konsep (POC) yang diberikan oleh Apad hanya sah sehingga 31 Ogos, bukannya untuk tempoh berpuluh-puluh tahun dan bukan diperbaharui secara automatik,” katanya pada 29 Mei.

“(Keputusan) ini bermaksud POC akan tamat sebelum lesen yang diberikan oleh Apad kepada kedua-dua syarikat ini tamat tempohnya.”

Selepas memenuhi permintaan cadangan (RFP) Kerajaan Negeri, Asia Mobility dan Badanbas menerima surat hasrat pada 15 Jun 2023 dan surat pelantikan kedua-duanya dikeluarkan pada 20 September 2023.

Namun, bukan dua syarikat ini sahaja akan terlibat untuk percubaan di zon lain. Pada Mei, Kerajaan Negeri menerima cadangan Kumpool Sdn Bhd untuk menguji bukti konsep pada masa depan.

Mengulas dakwaan wujud konflik kepentingan

DISEMBER 2022

- Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dibenar laksanakan ujian POC ikut peraturan Apad

MAC 2023

- Jawatankuasa Projek Rintis DRT dilantik untuk pantau POC
- Apad sahkan hanya dua syarikat diluluskan

MEI 2023

- Jawatankuasa setuju lantik dua syarikat dapatkan data untuk jaga tata kelola, elak tanggapan negatif

JUN 2023

- MBI lulus pelaburan uji POC projek DRT
- Surat hasrat diserah kepada Asia Mobility dan Badanbas
- Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri luluskan POC dan dana

JULAI-SEPTEMBER 2023

- MBI luluskan termasuk pelantikan dua syarikat dan surat lantikan diserah kepada syarikat
- Pelaksanaan POC di empat zon pada November 2023 dan Januari 2024
- Setiap zon guna empat buah kendaraan

seperti serangan pembangkang, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada hujung Mei menjelaskan “tiada kaitan” antara projek negeri ini dengan bidang kuasa menteri.

“Dari segi undang-undang, jika seseorang mendapat kontrak atau manfaat daripada mana-mana entiti kerajaan, tetapi individu berkenaan tiada kaitan dengan entiti itu, maka ia bukan suatu kesalahan,” kata Ketua Pesuruhjaya Tan Sri Azam Baki.

Walau bagaimana tohmahan buruk, projek rintis DRT ini sebahagian permulaan program Mobiliti Selangor bagi memudahkan pengguna sampai ke jaringan stesen kereta api dan juga menghubungkan kawasan perumahan yang tidak boleh diakses bas.

Berdasarkan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor yang dimulai pada 2016, Kerajaan Negeri ingin mengurangkan kesesakan jalan dengan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam kepada 60 peratus berbanding 40 peratus kenderaan persendirian.

Ketika pertama kali mengumumkan Mobiliti Selangor dalam belanjawan 2023, Dato’ Menteri Besar Dato’ Seri Amirudin Shari berkata memang sudah tiba masanya negeri berusaha meningkatkan penggunaan pengangkutan awam daripada 20 peratus kepada 40 peratus pada 2035.



Arena bertaraf dunia



Ilustrasi Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)

Oleh NAZLI IBRAHIM

Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) dibangunkan atas tapak stadium bersejarah, lambang kebanggaan sejak 1994, bakal mengubah landskap ibu negeri Selangor.

Lengkap pelbagai kemudahan bertaraf dunia, pembangunan semula itu bertujuan menjadikannya lokasi pelbagai guna. Selain kegiatan sukan dan seni antarabangsa, KSSA juga menjana ekonomi dan tumpuan rekreasi awam.

Struktur lama Stadium Shah Alam yang sedang diroboh membolehkan pembangunan atas tapak tersebut, seluas 80 hektar di Seksyen 13, dalam tiga fasa yang dijangka siap sepenuhnya pada 2029.

Fasa pertama melibatkan pembinaan semula stadium, plaza parkir dan terminal bersepadu menghubungkan transit aliran ringan 3 (LRT3) yang siap dalam tempoh dua tahun lagi.

Fasa kedua merangkumi pembangunan komersial seperti sayap sukan, sayap belia, teater tertutup berkapasiti 10,000 orang, ruang niaga dan kawasan rekreasi yang bakal siap pada 2028.

Fasa ketiga pula pembinaan hotel yang boleh digunakan pada akhir 2029.

Projek KSSA turut membabitkan tebatan banjir dengan pembinaan kolam takungan bawah tanah seluas 4.04 hektar, sekali gus mengatasi masalah bah kawasan berkenaan yang terletak tidak jauh dari Sungai Damansara.

Akibat beberapa kali dilanda bah antara 2006 dan banjir besar 2021, selain kualiti padang rumput, kemudahan seperti bilik persalinan, sistem pendawaian dan bilik bekalan elektrik

mengalami kerosakan.

Sewaktu model kompleks baru tersebut dipamerkan kepada awam pada awal tahun lalu, banyak pihak melahirkan rasa gembira dengan pembangunan semula itu.

Futuristik

Stadium direka dengan konsep futuristik yang lebih kecil, memuatkan antara 40,000 hingga 45,000 penonton berbanding kapasiti lama lebih 80,000 orang.

Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Saipolyazan M Yusop menjelaskan kerosakan akibat banjir mulai 2006 tidak sesuai lagi diperbaiki.

“Hakikatnya, keadaan dan kerosakan dialami lebih mewajarkan ia dibangunkan semula,” katanya kepada Berita Harian pada 2 Julai. KSSA diletakkan sebagai projek MBI, pemilik kompleks tersebut bagi pihak kerajaan.

“Kajian keadaan stadium asal berkapasiti 80,372 penonton itu mendapat adalah lebih ideal jika dibina stadium yang memuatkan antara 40,000 hingga 45,000 tempat duduk.

“Ia dibangunkan bersekali kemudahan baharu dilengkapi pusat latihan dan fasiliti sukan yang komprehensif, disokong dengan pembinaan hotel, pusat beli-belah serta pejabat bersesuaian keperluan,” katanya.

Di sini, padang bola dibina boleh alih bagi menjamin kesegaran rumput dan memudahkan acara lain seperti badminton atau hoki. Berbumbung dan berhawa dingin, ia mudah diselenggara dan boleh digunakan untuk pelbagai

CIRI MENARIK KOMPLEKS SUKAN SHAH ALAM

- stadium bertaraf antarabangsa
- kapasiti 40,000 ke 45,000 penonton
- 60 peratus kawasan untuk sukan
- 40 peratus ruang rekreasi awam
- padang boleh alih untuk pelbagai acara
- jalinan LRT dan pengangkutan awam
- ada kolam takungan bawah tanah atasi banjir
- boleh anjur berbagai-bagai acara bukan sukan

acara seperti konsert atau perhimpunan.

Di sekelilingnya, terdapat masjid, hotel, pusat belia, kawasan permainan kanak-kanak, ruang rehat keluarga, ruang niaga, selain akses bagi warga emas dan orang kurang upaya.

Projek besar ini dijalankan mengikut prosedur, termasuk mengadakan pameran dan libat urus pelbagai pihak agar sebarang bantahan dan maklum balas dapat dibincang.

Pameran model reka bentuk dibuat antara Januari dan Februari 2023 di pusat beli-belah SACC, Shah Alam, sebahagian proses mengumpul pandangan orang ramai.

Untuk memastikan ia berjalan lancar, struktur lama diruntuh dengan kaedah konvensional tanpa menggunakan bahan letupan dengan mengawal kesan bunyi dan debu kepada penduduk di sekitarnya.

Setelah permit meroboh struktur dikeluarkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada 14 Jun, kerja-kerja dilakukan mulai 1 Julai. Kerusi yang masih elok diagihkan untuk kegunaan stadium pihak berkuasa tempatan.

Arah tepat tuju Kaabah

Oleh NADIAH ZAMLUS

Dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haram (Kaabah) dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya.” – ayat 150 surah al-Baqarah.

Firman Allah berkenaan jelas menyebut perintah bersembahyang menghadap kiblat yang menghala ke arah Kaabah di Masjidil Haram, Makkah.

Atas perintah itu juga, pelbagai cara dilakukan oleh muslim untuk menentukan arah kiblat supaya menepati syarat sah ibadah solat.

Pada zaman dahulu umat Islam di negara ini menjadikan buruj dan bintang tertentu sebagai penentu arah kiblat. Garisan buruj dan bintang sebaris menghala hampir ke arah barat laut menjadi panduan kiblat.

Seiring dengan perkembangan ilmu geografi dan astronomi, kini penentuan arah kiblat lebih mudah dilakukan oleh semua muslim, antaranya menerusi fenomena istiwa a'dzam.

Fenomena merujuk kepada kejadian unik yang berlaku dua kali setahun apabila lintasan matahari pada kedudukan tepat 90 darjah atas Kaabah.

Timbalan Mufti Selangor Dato' Prof Madya Dr Miszairi Sitiris berkata kedudukan istiwa berlaku pada 28 Mei (jam 5.16 petang) dan 16 Julai (jam 5.28 petang) pada tahun-tahun biasa dan pada 27 Mei dan 15 Julai pada tahun-tahun lompat.

“Detik istimewa tersebut amat ditunggu-tunggu masyarakat Islam seluruh dunia terutama di kawasan bumi yang berada dalam zon waktu siang untuk menyemak lokasi tepat kiblat,” katanya.


Apabila istiwa utama matahari berlaku, bayang-bayang objek tegak di tempat lain akan menunjukkan arah ke Kaabah.

Fenomena berkenaan sebahagian kaedah tradisional falak untuk menyemak dan menentukan arah kiblat walau di mana sahaja pada tarikh tersebut.

Selain istiwa a'dzam, umat Islam juga boleh menggunakan kompas, kaedah lintasan matahari searah kiblat, kaedah matahari terbit dan terbenam, selain kaedah buruj dan bintang yang diamalkan umat Islam dahulu.

Namun, mereka perlu mengetahui nilai azimut (arah mengufuk suatu titik di langit dari suatu titik di bumi) iaitu antara 291 hingga 293 darjah berdasarkan lokasi.

Dr Miszairi menegaskan, umat Islam perlu sentiasa menyemak arah kiblat yang betul supaya solat menjadi sah.



Sumber: Jabatan Mufti

Kiblat tersasar

Ia susulan laporan media pada 24 April tahun lalu menyebut, Persatuan Ahli Falak Negeri Selangor mendapati 40 peratus daripada 5,000 kediaman umat Islam diperiksa sekitar Lembah Klang, tersasar daripada kedudukan kiblat yang tepat.

Ada antara tempat atau ruang solat di sesebuah kediaman itu tersasar sehingga 180 darjah daripada kedudukan sebenar.

Situasi itu dikesan selepas persatuan berkenaan memeriksa lebih 20,000 kediaman dan premis untuk ditentusahkan arah kiblat masing-masing.

Dr Miszairi menjelaskan, menyemak kiblat rumah secara tepat hanya perlu dilakukan sekali sahaja. Justeru fenomena istiwa a'dzam kaedah paling mudah dilakukan semua orang.

“Namun, terdapat ramai orang yang tidak berpeluang menyemak kiblat rumah ini disebabkan kekangan kerja, cuaca semasa dan sebagainya. Justeru itu, Jabatan Mufti Selangor

CARA SEMAK ARAH KIBLAT MENGIKUT ISTIWA A'DZAM

Pastikan kayu yang digunakan adalah tegak 90 darjah di atas permukaan yang rata

Pastikan bayang-bayang kayu tersebut jelas kelihatan di atas permukaan yang rata tadi

Pastikan matahari mudah dilihat dan tidak terlindung di kawasan tersebut. Dari hujung bayang ke kayu itulah arah kiblatnya

melancarkan kempen Jom Semak Kiblat sepanjang tahun lebih-lebih lagi bagi mereka yang baharu membeli rumah kediaman yang baharu,” katanya.

Berdasarkan sejarah Islam, sebelum umat Islam bersujud menghala ke Kaabah pada hari ini, Masjid al-Aqsa di Baitulmaqdis menjadi kiblat pertama umat Islam selama 16 bulan sejak Nabi Muhammad SAW berhijrah ke Madinah.

Bagaimanapun, pada 17 Rejab tahun kedua hijrah, turun wahyu Allah memerintah kiblat bertukar ke Kaabah di Masjidil Haram.

Perintah itu disebut pada ayat 144 surah al-Baqarah ketika Rasulullah bersembahyang Asar berjemaah di Masjid Qiblatain, menyebabkan baginda serta-merta mengalihkan tubuh ke arah Makkah diikuti sahabat.





PERKASA... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan cek cura kepada wakil usahawan Skim Pembentangan Tekun Nasional dalam Karnival Tekun Madani Pulau Pinang di Bukit Mertajam pada 29 Jun. Foto BERNAMA

Tidak abai pelajar cemerlang kaum lain

PM jamin kuota bumiputera kekal

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kuota bumiputera untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke peringkat matrikulasi terus dikekal.

Beliau memberitahu perkara itu termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan kedudukan istimewa orang Melayu serta kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak.

"Kuota bumiputera tetap dikekal kerana ini keputusan yang sudah lama berkait dengan Perlembagaan, jaminan masa depan bumiputera (dan) Melayu supaya tidak berlaku kesenjangan."

"Penjawat awam harus faham, meritokrasi kita pertahan tapi keadilan juga kita pertahan," katanya dalam Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri pada 1 Julai.

Penunjuk baharu kos sara hidup

SHAH ALAM - Penunjuk baharu bagi mengukur tahap kos sara hidup rakyat diubah suai bagi memastikannya selari dengan perkembangan semasa negara, kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan pengiraannya disusun berdasarkan perbelanjaan isi rumah dalam pelbagai aspek yang umumnya tidak dimasukkan dalam penunjuk di kebanyakan negara lain.

"Keadaan semasa menuntut ada

Pada 30 Jun, Anwar berkata lepasan SPM yang memperoleh 10A ke atas tanpa mengira kaum dan wilayah ditawarkan peluang melanjutkan pengajian pada peringkat matrikulasi mulai tahun ini.

Menyatakan keputusan itu dipersetujujui jemaah menteri, beliau menjelaskan keputusan mengiktiraf kecermerlangan tanpa mengira kaum tetapi kuota bumiputera terus dipertahan.

Sementara itu, lepasan SPM yang memperoleh 10A ke atas tetapi gagal mendapat tempat di matrikulasi atau program asasi universiti awam akan ditawarkan tempat sewajarnya.

Menurut Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, pelajar yang tidak mendapat tempat di matrikulasi boleh memasuki program asasi di universiti awam.

perubahan, (kerana) ada keperluan yang di Kuala Lumpur yang tidak sama dengan keperluan di Hulu Terengganu (contohnya).

"Indeks harus diubah suai dan ini sedang dilakukan berdasarkan keputusan mesyuarat yang menetapkan kos sara hidup yang selari perkembangan semasa," katanya seperti dilapor Bernama.

Beliau menjawab soalan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) mengenai perkembangan terkini penunjuk baha-

"Tidak ada banyak isu untuk memudahkan pelajar dengan 10A ke atas kerana tempat di universiti bawah program asas serta matrikulasi mencukupi untuk menampung bilangan pelajar," katanya.

Selain itu, Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi menyaring pelajar cemerlang 10A yang memohon ke program matrikulasi melalui UPUOnline.

Menurut kenyataan, kerjasama berkenaan penting supaya lepasan SPM yang tidak ditawar tempat diselaras semula berdasarkan pilihan program pelajar.

"Tawaran tempat dan jurusan bergantung kepada kelayakan calon dan kekosongan program matrikulasi. Kementerian Pendidikan Tinggi fokus kepada kemasukan program asasi dan diploma di universiti awam," kata kenyataan.

ru dan program kerajaan berdasarkan dapatan indikator berkenaan.

Anwar memberitahu pengiraan tersebut melibatkan 13 negeri, tiga Wilayah Persekutuan serta 162 daerah yang turut memuatkan maklumat mengenai kecenderungan pengguna dan kuasa beli.

Katanya, ia mengambil kira semua aspek antaranya makanan, pakaian, perumahan, utiliti, kesihatan, pengangkutan dan pendidikan yang tiada dalam kos sara hidup di kebanyakan negara.

Tiada penyelarasan subsidi RON95

SHAH ALAM - Tiada cadangan untuk membuat penyelarasan subsidi petrol RON95 dalam masa terdekat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menjelaskan belum ada kertas dasar untuk dibawa ke Kabinet, beliau yang juga menteri kewangan memberitahu tumpuan kerajaan terhadap penyasar terhadap elektrik, diesel dan ayam.

"Kita perlu lihat dulu kesannya dan bagaimana reaksi rakyat kemudian sedia berunding apa keperluannya. Apa yang penting kita mesti hentikan subsidi bagi orang kaya dan orang asing."

"Itu saya tidak tolak ansur, bagaimana kaedahnya kita kena fikirkan supaya tidak bebankan rakyat. Jangan beri subsidi kepada golongan paling kaya dan orang asing."

"Berpuluh-puluh tahun tiada kerajaan (sebelum ini) sanggup menangani masalah tersebut," katanya di Dewan Rakyat pada 2 Julai.

Kerajaan Perpaduan diramal menang

SHAH ALAM - Calon Kerajaan Perpaduan diramal menang dalam pilihan raya kecil (PRK) Sungai Bakap melebihi 12,000 undi, menurut Institut Darul Ehsan (IDE).

Pengerusi Eksekutifnya Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman berkata kajian menunjukkan Dr Joohari Ariffin menang jika peratusan keluar mengundi semua kaum mencapai 60 peratus.

Menjelaskan kajian dibuat empat hari mulai 19 Jun membabitkan 786 responden, beliau menambah peratusan keluar mengundi dianggar sekitar 60 ke 65 peratus berdasarkan tiga simulasi IDE.

"Namun, Sungai Bakap kawasan luar bandar dan kelebihan Perikatan Nasional lebih baik kerana mereka mampu membawa keluar semua pengundi," katanya ketika membentang hasil kajian itu.

27 peratus pindah ke Akaun Fleksibel

SHAH ALAM - Seramai 3.45 juta pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memindah RM10.86 bilion daripada Akaun Sejahtera ke Akaun Fleksibel setakat 10 Jun.

Menurut Kementerian Kewangan, angka tersebut merangkumi 26.6 peratus daripada bilangan keseluruhan ahli KWSP bawah umur 55 tahun yang membuat pilihan semacamnya, lapor Bernama.

"Jumlah ahli yang membuat pengeluaran melalui Akaun Fleksibel sebanyak 2.93 juta atau 22.6 peratus melibatkan RM6.98 bilion," kata jawapan bertulis di Dewan Rakyat pada 26 Jun.

Penstrukturkan semula akaun tidak memberi kesan signifikan kepada kedudukan kewangan berikutnya KWSP memperuntuk baki tunai mencukupi bagi menampung pengeluaran, kata kenyataan itu lagi.

Kes mental remaja naik dua kali ganda

SHAH ALAM - Isu kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja meningkat dua kali ganda kepada 922,318 kes tahun lalu berbanding 2019, kata menteri kesihatan.

Merujuk tinjauan Kesihatan Morbiditi Kebangsaan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata angka tu melibatkan kelompok berusia antara lima hingga 15 tahun, lapor Berita Harian.

"Tanggungjawab menangani masalah mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja perlu dipikul bersama merentas agensi," katanya pada 2 Julai.

Kementerian juga meningkatkan bantuan pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja kepada 30 orang menjelang 2027, berbanding 18 pakar sedia ada di hospital kerajaan.

Rebat tarif elektrik pengguna RM40

SHAH ALAM - Tiada kenaikan tarif elektrik di Semenanjung antara 1 Julai hingga 31 Disember demi memastikan pengguna domestik dilindungi melalui pelaksanaan subsidi elektrik bersasar.

Menurut Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, keputusan pada 28 Jun bermakna kerajaan membiayai keseluruhan subsidi elektrik bersasar RM2.192 bilion bagi tempoh tersebut.

Kementerian percaya subsidi bersasar pendekatan terbaik bagi mengurangkan komitmen kerajaan seterusnya peruntukan itu disalur dalam pelbagai bentuk bantuan lain kepada rakyat.

Dalam kenyataan pada 29 Jun, nasib golongan berpendapatan rendah yang

disahkan dalam sistem e-Kasih juga terpelihara melalui Program Rebат Elektrik RM40 melalui peruntukan RM55 juta.

Selain itu, pengguna juga boleh menerima e-rebat hingga RM400 bagi pembelian peti sejuk dan penyaman udara cekap tenaga yang mendapat penarafan empat atau lima bintang daripada Suruhanjaya Tenaga.

Orang ramai boleh membuat semakan status kelayakan menerusi laman sesawang <https://semakanrebat.petra.gov.my/apps/public/index.php> atau hadir ke kedai utiliti terdekat.

"Walau tiada kenaikan tarif, pengguna disarankan menggunakan tenaga elektrik secara berhemah dan mengamal amalan cekap tenaga," kata

kenyataan lagi.

Menurut kementerian berkenaan, kerajaan berpeluang menambah baik prasarana awam, penjagaan kesihatan dan sektor pendidikan melalui penjimatan hasil pelaksanaan subsidi bersasar.

Selain tiada kenaikan tarif, surcaj 1 sen/kWj untuk kategori lampu se liaan pihak berkuasa tempatan (PBT) diturunkan melibatkan lampu jalan, taman perumahan dan kawasan rekreasi.

"Pengguna komersial dan industri mengalami penurunan kadar surcaj Pelepasan Kos Tidak Berimbang 1 sen/kWj bagi tempoh Julai hingga Disember 2024," kata kementerian tersebut.

NOTIS TENDER



PERMODALAN
NEGERI SELANGOR BERHAD
199001014678 (206347-V)

CADANGAN KERJA TANAH DAN KERJA YANG BERKAITAN BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH KOMPLEKS ISLAM/MASJID SETINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 66526, 66527, 66528, 66529, 66530, 66531 DAN 66532 SELUAS 10.39 EKAR, JALAN LAKSAMANA 2, TAMAN GOMBAK PERMAI, MUKIM BATU, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN (PNSB-T1/2024)

1. Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) & Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dan masih sah seperti berikut :

BIL.	PENDAFTARAN DAN TARAF	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN
1	CIDB & Bumiputera	Gred : G4 / G5 / G6 / G7 Kategori : CE Pengkhususan : CE36	RM300.00

2. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** seperti berikut :-

BIL.	TEMPAT BERKUMPUL	TARIKH / MASA
1	Berkumpul di Persimpangan Jalan GP 4, Taman Gombak Permai (waze : Jalan GP 4)	11 Julai 2024 (Khamis) 10:30 pagi

BAYARAN

Bayaran untuk Dokumen Tender adalah secara atas talian (tidak dikembalikan) seperti berikut :-

- a. Nama Bank : Maybank
- b. No. Akaun : 512101422646
- c. Penama : PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
- d. Rujukan : Tender Kerja Tanah
- e. No. Tel : 03-56501700

DOKUMEN TENDER

Hanya Pemohon yang hadir lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli Dokumen Tender. Sila hubungi Mohd Asmadi Othman di 019-378 6841 atau di alamat email zamsqssb@gmail.com untuk mengemukakan resit pembelian. Dokumen Tender akan diberikan kepada Petender secara dalam talian (email) untuk dicetak. Tiada penjualan Dokumen Tender di Pejabat PNSB.

Dokumen Meja Tender boleh disemak pada waktu pejabat di Permodalan Negeri Selangor Berhad, Tingkat 16, Menara NAZA TTDI, No. 11, Jalan Judo 13/45, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan mulai tarikh iklan disiarkan. Notis Tender ini juga boleh dilawati di laman web PNSB : <http://www.pnsb.com.my>

Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **24hb. Julai 2024 (Rabu)**. Dokumen tidak akan dijual selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap di isi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk "TENDER KERJA TANAH" dan dimasukkan ke dalam Peti Tender Permodalan Negeri Selangor Berhad, Tingkat 16, Menara NAZA TTDI tidak lewat daripada **25HB. JULAI 2024 (KHAMIS) SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI**.

Dokumen Tender yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa ju
sebab tidak akan dilayan.

Liputi 465 projek

Tambah baik kuarters polis

SHAH ALAM - Sebanyak 4,612 unit rumah kuarters di seluruh negara selesai ditambah baik sejak peruntukan disalur tahun lalu, kata Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain.

Katanya, projek itu melibatkan dana RM112.6 juta meliputi 465 projek selain RM14.4 juta lagi untuk memperluas 286 unit kuarters lama, dari 700 seunit kepada 1,200 kaki persegi seunit.

Beliau memberitahu penambahbaikan tersebut melibatkan proses menukar dua unit kuarters kepada satu unit demi memberi keselesaan kepada penghuni, lapor Bernama.

"Projek yang turut meliputi balai polis dan pos Pasukan Gerakan Am lang-



kah permulaan bawah kerangka Pembangunan Malaysia Madani," katanya sempena perhimpunan bulanan pada 28 Jun.

Razarudin juga menjelaskan sebanyak 12 projek pembangunan baharu diluluskan melibatkan kesan kewangan RM1.35 bilion, kelulusan paling banyak berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Menggesa warga pasukan mensyukuri nikmat kemudahan tersebut, beliau berkata ia meliputi pembinaan ibu pejabat polis daerah (IPD), balai polis, kuarters perumahan dan kemudahan lain.

Projek tersebut antaranya IPD Kemaman dan balai Kijal di Terengganu, IPD dan balai Padang Besar serta perumahan (Perlis), balai Jelutong dan perumahan (Pulau Pinang).

Ketujuh diyakini dunia

SHAH ALAM - Malaysia tersenarai tangga ketujuh negara paling diperpercaya hasil kaji selidik Barometer Kepercayaan Edelman 2024 membabitkan tinjauan 28 negara.

Naik dua tangga, Malaysia meraih 68 mata yang mewakili purata peratusan kepercayaan orang ramai terhadap badan bukan kerajaan (NGO), perniagaan, kerajaan dan media, lapor Bernama.

Kelompok 10 teratas adalah China (79 mata), India (76), Emiriah Arab Bersatu (74), Indonesia (73), Arab Saudi (72), Thailand (70), Singapura (67),

Kenya (64) dan Nigeria (61).

Ketua Pegawai Operasi Edelman Malaysia Chris de Cruz berkata peningkatan kepercayaan itu menunjukkan anjakan tanggapan awam terhadap tadbir urus dan rangka kerja institusi negara.

Hasil kaji selidik itu menunjukkan perniagaan menjadi institusi paling diperpercaya dengan skor 75, diikuti NGO (70), kerajaan (67) dan media (60).

Kaji selidik mulai 3 hingga 22 November 2023 membabitkan 32,000 responden termasuk 1,000 di Malaysia untuk memberi gambaran sentimen awam terhadap kepercayaan, inovasi dan tadbir urus.



AKTIF... Seramai 2,500 peserta menyertai larian malam Geopark Ampang Jaya di Taman Melawati, Gombak pada 29 Jun. Pelari dari Kenya Simon Rotic menjuarai perlumbaan 12 kilometer lelaki terbuka dan kategori wanita dimenangi peserta Malaysia Ang Kee May. Foto Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Portal MYMPS turut sumbang hasil

Raih RM54 juta cukai taksiran

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

GOMBAK - Sebanyak RM54.11 juta cukai taksiran semasa dikutip setakat 31 Mei, kata Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS) Shahman Jalaluddin.

Beliau memberitahu MPS turut meraih RM5.25 juta tunggakan cukai taksiran dalam tempoh sama.

"Kutipan cukai taksiran semasa meliputi 92.49 peratus daripada RM58.5 juta manakala tunggakan pula 49.13 peratus dikutip daripada jumlah keseluruhan

RM10.68 juta," katanya dalam mesyuarat bulanan di ibu pejabatnya di sini pada 26 Jun.

Beliau menambah pihaknya turut memproses waran tahanan sejak 15 April bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM200 dan ke atas.

"Waran merupakan tamat notis (Borang E) yang dikenakan RM100 bagi mereka yang mempunyai tunggakan. Sehingga 31 Mei, 25,598 waran telah diproses dan 18,786 telah dihantar," jelasnya.

Selain itu, sebanyak RM568,111 kuti-

pan hasil diperoleh menerusi portal MYMPS sehingga hujung Mei.

"Kutipan terbanyak hasil dari sewaan kedai RM287,515 diikuti lesen perniagaan (RM161,716.47), kompaun (RM58,040), permit bangunan dan perancang (RM47,642) serta cagaran (RM5,880).

"MPS telah menaik taraf portal untuk kemudahan peniaga memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan, kompaun dan cagaran melalui aplikasi dalam talian," jelasnya.

RM550,000 program kejiranan MBPJ

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memperuntuk RM550,000 bagi menjayakan Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) 2024.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Zahri Samiong menjelaskan 142 permohonan program berkenaan diluluskan dengan setiap persatuan diberi insentif RM3,000.

Katanya, program yang diperkenal sejak 2011 bertujuan memperkasa masyarakat selaras visi menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya pintar, mampan dan berdaya tahan menjelang 2025.

"Ia bertujuan menggalakkan penglibatan persatuan penduduk, rukun tetangga dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dalam program keselamatan di kawasan kejiranan," katanya.

Beliau menyempurnakan Penyampaian Sumbangan Pa-

sukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) 2024 dan Penyampaian Hadiah "PJSSR Community Award" 2023 di MBPJ di sini pada 25 Jun.

Pada majlis sama, Mohamad Zahri memberitahu MBPJ menawarkan insentif RM1,000 kepada lima persatuan bagi Anugerah Pelaporan PKKPJ Terbaik.

Anugerah tersebut dimenangi Persatuan Penduduk Ara Impian, Ara Damansara, Persatuan Penduduk Jalan 14/1-14, Seksyen 14 dan Persatuan Penduduk PJS1 South Avenue.

Turut menang, Persatuan Penduduk PJS 10 Taman Sri Subang dan Kawasan Rukun Tetangga Blok 5 Desa Mentari.

RM20,000 sebulan senggara pasar

SHAH ALAM - Cadangan kenaikan kadar sewa Pasar Moden Seksyen 6 di sini bertujuan menampung kos pengurusan dan penyelenggaraan, kata Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim.

Beliau menjelaskan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berbelanja RM20,000 sebulan bagi memastikan keselesaan pengguna dan peniaga di pasar berkenaan.

"Berdasarkan kajian tahun lalu, hasil yang kita belanjakan lebih banyak berbanding dengan kadar sewaan. Purata subsidi yang ditanggung MBSA sebanyak RM20,000 sebulan.

"Semalam (26 Jun) kita adakan sesi libat urus bersama 93 peniaga dan mencadangkan kenaikan kadar baharu sebanyak 60 peratus," katanya yang akan mengkaji bantahan golongan peniaga.

Mohd Fauzi bagaimanapun berkata terdapat bantahan daripada peniaga. Justeru, pihaknya akan mengkaji cadangan peniaga yang mahu kadar kenaikan dikurangkan sedikit.

"Saya akan pastikan peniaga mendapat perkhidmatan dan ruang niaga yang terbaik demi keselesaan pengunjung melalui penyediaan kemudahan infrastruktur dan pembangunan berkualiti," katanya.

Gotong-royong hapus tempat biak aedes

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Gombak menjayakan kempen perang nyamuk aedes di Pangsapuri Sri Puteri, Hulu Kelang pada 30 Jun.

Program Goyong-Royong Memerangi Nyamuk Aedes anjuran pertubuhan penduduk dengan kerjasama Jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama dan surau pangsapuri dimulakan dengan taklimat mengenai wabak Denggi.

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar MPAJ turut menyediakan tong sampah pukal untuk memudahkan penduduk membuang barang yang berpotensi menjadi sarang pembiakan nyamuk.

MPAJ mengedarkan ubat jentik-jentik selain membuat pembelian barang kitar semula seperti sisa minyak masak, barang elektronik terpakai, kertas, kotak, barang plastik serta botol kaca.

Air Selangor®

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

BIL.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000018767	MAINTENANCE & SERVICING OF FIRE FIGHTING SYSTEMS AT HT PUMPHOUSES AND WATER TREATMENT PLANTS FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> or <https://tender.airselangor.com>



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 CYBERJAYA
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

- Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/LAND/08/2024	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT BAGI KAWASAN KEJIRANAN AURORA SEKSYEN 5, SELANGOR CYBER VALLEY UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TEMPOH 24 BULAN	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (221002 - Membersih Kawasan DAN 221402 - Hiasan Jalan/ Kawasan), SIJIL KURSUS PENYELENGGARAAN LANDSKAP DAN UPEN	RM200.00
2.	T/MPSepang/KES/09/2024	CADANGAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN STATIK DI PUSAT TAHANAN HAIWAN SEMENTARA DI BATU 1 SEPANG, TANAH PERKUBURAN BERSEPADU DI PEKAN SEPANG, PUSAT INOVASI @ SEPANG DAN PUSAT KITAR SEMULA DI CYBERJAYA DAN TANAH PERKUBURAN ISLAM CYBER 10 DI CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TEMPOH 24 BULAN	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (220801 - Perkhidmatan/ Pertahanan Dan Keselamatan/Kawalan Keselamatan (Perlu Lesen KDN)) DAN UPEN	RM200.00

- Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> atau di kaunter pada wakt pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **4 Julai 2024** hingga **25 Julai 2024** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskhah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran boleh dibuat secara atas talian melalui FPX, Kredit Kad dan Debit Kad atau secara Tunai, Wang Pos atau Bank Draft yang berpalang atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.
- Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari** pada **25 Julai 2024**.
- Kontraktor-kontraktor yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4 bulan)** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

"INTEGRITI AMALAN SAYA"
"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
Persiaran Semarak Api, Cyber 1
63200 CYBERJAYA
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

- Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/BGN/10/2024	CADANGAN KERJA-KERJA PENGEHAWA DINGIN DI PEJABAT CAWANGAN, DEWAN-DEWAN KOMUNITI/SERBAGUNA, STUDIO DAN PEJABAT AHLI MAJLIS ZON UTARA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TEMPOH 24 BULAN	CIDB, SPKK DAN G2 ATAU G3 Kategori ME (E04 & M01) DAN UPEN	RM200.00

- Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli di kaunter pada wakt pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **4 Julai 2024** hingga **25 Julai 2024** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskhah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah Surat Lantikan Wakil, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran boleh dibuat secara atas talian melalui FPX, Kredit Kad dan Debit Kad atau secara Tunai, Wang Pos atau Bank Draft yang berpalang atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.
- Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari** pada **25 Julai 2024**.
- Kontraktor-kontraktor yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4 bulan)** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

"INTEGRITI AMALAN SAYA"
"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang

KOTA 20

selangorkini 4 - 10 Julai 2024

PKNS kukuh pendidikan

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menerusi anak syarikatnya Akademi PKNS menjalin kerjasama strategik dengan IIUM Holdings Sdn Bhd bagi mengukuh sinergi dalam bidang pendidikan dan keilmuan.

Ketua pegawai eksekutif kumpulan PKNS berkata kerjasama tersebut juga akan memperkuuh kerjasama strategik dalam bidang pembangunan akademik ke arah pembangunan modal insan melalui penubuhan sekolah serta prasekolah.

Dato' Mahmud Abbas berkata perjanjian tersebut merupakan lanjutan daripada lawatan dan perbincangan antara kedua-dua pihak yang berlangsung pada 13 Mac dan 29 April, lapor Bernama.

"Memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani ini bertujuan mengembangkan peranan dan fungsi Akademi PKNS dengan menceburkan bidang pendidikan menerusi pembukaan prasekolah di kawasan kediaman serta pusat perniagaan dalam kawasan pembangunan PKNS.

"Ia bersesuaian dengan perniagaan teras kumpulan IIUM Holdings Sdn Bhd antaranya adalah menawarkan perkhidmatan pendidikan dalam semua



peringkat bermula dari tadika hingga pendidikan tinggi," katanya selepas menyaksikan majlis berkenaan pada 24 Jun.

Akademi PKNS diwakili Ahli Lembaga Pengarah Idris Ishak dan Pengurus Besar Mohd Raihan Mohd Tahir manakala Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Datuk Nadzarudin Abdul Razak dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Zahari Salleh mewakili IIUM Holdings Sdn Bhd.

Mahmud berkata PKNS mempunyai banyak tapak projek yang sedang dibangunkan dan Akademi PKNS melihat ia sebagai peluang baik untuk mereka menjalankan perniagaan berdasarkan pendidikan di kawasan pembangunan tersebut antaranya Cyberjaya, Kota Puteri dan Antara Gapi.

Beliau berkata antara kerjasama yang boleh dilaksanakan segera adalah pembukaan cawangan baharu IIUM Educare di bangunan Akademi PKNS tahun ini.

"Kebetulnya pula, IIUM Schools (bawah IIUM Holdings) juga sedang meneroka lokasi baharu bagi pembangunan sekolah memandangkan kapasiti pelajar sedia ada sekarang telah mencapai had ditetapkan di sekolah sedia ada, selain permintaan tinggi untuk masuk sekolah di bawah IIUM Schools," katanya.

Umat Islam sebar ilmu

SHAH ALAM - Sebaik-baik orang yang berilmu adalah mereka yang menyebarkan ilmunya dan mengajar kepada orang lain, kata tokoh ulama Pattani Baba Ismail Sepanjang al-Fathoni.

Mengupas kitab Ihya Ulu-muddin dan Mawaqif al-Marjan, beliau berkata mereka yang menuntut ilmu dan memahami ajarannya akan mudah menghindari diri dari melakukan perkara yang dilarang.

"Bila kita dapat ilmu melalui majlis atau mempelajari kitab, wajib untuk kita berkongsi bersama ahli keluarga atau sahabat yang kurang pandai," katanya pada 27 Jun.

Beliau menyampaikan kuliah duha sempena program Talaqqi Kitab



Turath Islami di Masjid Sultan Saladdin Abdul Aziz Shah.

Baba Ismail turut mengupas kepentingan dalam menuntut ilmu dan berjihad yang memainkan peranan sama penting dalam Islam selaras pengertian surah at-Taubah ayat 122.

Program anjuran Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) merupakan kesinambungan daripada Festival Turath Islami Selangor bagi tahun kedua yang diadakan pada 26 Mei hingga 2 Jun lepas.

Acara untuk memartabat syiar Islam dan menyebarkan warisan keilmuan Islam itu menampilkan bekas Mufti Besar Mesir Syeikh Professor Dr Ali Jum'ah yang mengupas Kitab Hadis 40 Imam Nawawi.

Yide sumbang bantuan

SHAH ALAM - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) menghulur sumbangan kecemasan kepada 32 penduduk Desa Villa, Kampung Sungai Merab di Kajang yang terjejas akibat banjir lumpur pada 28 Jun.

Sumbangan berbentuk wang tunai dan Pek Kasih Yide mengandungi barang asas disampaikan Eksekutif Kebajikan Yide Mohammad Haizan ber-

sama Penolong Eksekutif Kebajikannya Muhammad Danial.

"Sebanyak 32 rumah dimasuki air banjir. Punca kejadian disebabkan hujan lebat berterusan dan berkemungkinan daripada aliran air yang terdapat daripada kerja-kerja tanah.

"Bagaimanapun, status air sudah surut dan kerja-kerja pembersihan giat dijalankan," katanya di Facebook.



CEMERLANG... EXCO Sukan Najwan Halimi menyerahkan insentif kepada atlet Selangor Natasha Mohamed Roslan (dua, kiri) dan Nur Farah Ain Abdullah (dua, kanan) di Hotel Concorde, Shah Alam pada 28 April. Hadir sama Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Dato' Mohd Yazid Sairi (kanan) dan Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri Selangor Mohamad Nizam Marjugi (kiri). Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN ▶ BERITA MUKA 24

Qaseh Rania sasar wakili negara

Tekad kerja keras di Wolfsburg

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

SHAH ALAM - Pemain bola sepak wanita tajaan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI bertekad membuktikan kebolehannya selepas ditawar sesi percubaan bersama VFL Wolfsburg.

Qaseh Rania Khairul Najib, 14, berharap peluang bersama kelab bola sepak terkenal di Jerman itu membuka jalan kepadanya untuk menempatkan diri bersama pasukan kebangsaan negara.

"Saya bersyukur dan gembira menerima tawaran untuk menjalani latihan di Jerman hasil kerja keras selama 10 tahun dan ingin berusaha bersungguh-sungguh di Wolfsburg."

Wai Ching kekal juara larian menara

PETALING JAYA - Jaguh larian menara negara Soh Wai Ching sukar digugat selepas mempertahankan gelaran kategori lelaki terbuka Larian Menara Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) 2024 di sini pada 30 Jun.

Pelari menara nombor satu dunia itu jelas berada dalam kelas tersendiri apabila mendominasi sejak awal saingan sebelum berjaya menawan menara setinggi 25 tingkat dengan masa ter-

"Motivasi saya pada tahap tertinggi untuk bersaing dengan pemain berkelas dunia walaupun bukan mudah," katanya selepas menerima surat tawaran di pejabat MBI di sini pada 27 Jun.

Beliau juga berusaha mempelajari bahasa Jerman untuk memudahkan komunikasi selain membuat penelitian untuk memudahkan proses menjalani kehidupan baharu dalam masa dua bulan lagi.

"Secara peribadi, saya ingin membanggakan ayah di Wolfsburg yang banyak berkorban membantu bangunkan bakat dengan melatih dan menjaga pemakanan sepanjang bermain bola," katanya.

Naib Presiden VFL Wolfsburg Andreas Kruse pula mendedahkan bakat dan

pantas satu minit 49 saat (s) sekali gus memperbaharui rekod tahun lepas (1:57s).

Lebih manis, kejayaan Wai Ching diiringi kemenangan anak didiknya Muhammad Hazim Zuhairi Azahari yang menamatkan perlumba di kedudukan kedua dengan catatan 2:05 s manakala tempat ketiga milik atlet Taiwan Ching Chun Lo (2:16s).

"Hari ini pertandingan agak sengit se-

kemahiran tinggi Qaseh Rania menarik minat kelab berkenaan untuk menawarkan sesi percubaan.

Beliau memaklumkan Qaseh Rania akan diberi pendedahan berlatih bersama pemain terbaik kelab yang dibimbing jurulatih pasukan dengan penggunaan kemudahan bertaraf dunia.

"Kami juga akan bantu beliau menyesuaikan kehidupan baharu di Jerman sepanjang tempoh percubaan. Beliau akan belajar adaptasi dengan cuaca, bahasa, makanan dan budaya di sana.

"Jika prestasi beliau memikat hati, kelab akan pertimbang untuk melanjut tempoh percubaan untuk membolehkan pembangunan bakatnya berterusan," katanya lagi.

bab ada pelari no 10 dari Taiwan serta kejohanan masuk dan anak buah saya yang sekarang ini ranking nombor 12 dunia. Mereka berdua ini bagi tentang sebab menara ini rendah 25 tingkat.

"Keseluruhan saya puas hati sebab dapat buat masa yang terbaik. Tapi saya rasa masa itu boleh lagi cepat sebab tadi, ketika lima tingkat terakhir, saya dah mula perlahan," katanya seperti dilapor Bernama.

Faisal jalani terapi pulihkan tangan kiri

SHAH ALAM - Pemain Selangor FC Muhammad Faisal Abdul Halim kini fokus menjalani rawatan pemulihan tangan kiri secara fisioterapi.

Mengesahkan perkara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Selangor FC Dr Johan Kamal Hamidon berkata ia bagi memastikan pergerakan tangan pemain kebangsaan itu lancar dan berfungsi dengan baik.

"Alhamdulillah Faisal dalam proses pemulihan. Lukanya semakin kering dan mula jalan fisioterapi berat untuk pergerakan penuh tangan kiri. Sesi itu dijalankan sejak beberapa hari lalu.

"Insya-Allah pada minggu hadapan, Faisal dijangka boleh memulakan latihan larian untuk meningkat semula tahap kecergasan," katanya dalam majlis serahan kutipan Tabung Solidariti Bersama Selangor FC pada 3 Julai.

Empat negara sertai Pestabola Merdeka

SHAH ALAM - Persatuan Bolasepak Malaysia mengesahkan Lebanon, Filipina dan juara bertahan, Tajikistan akan bersama Harimau Malaya dalam kejohanan Pestabola Merdeka 2024 pada September.

Setiausaha Agungnya Datuk Noor Azman Rahman berkata kejohanan itu akan dilangsungkan ketika kalender FIFA bermula 2 hingga 10 September depan di Stadium Nasional, Kuala Lumpur.

Beliau berkata empat pasukan terbabit akan diundi bagi menentukan lawan masing-masing pada perlawanan pertama iaitu separuh akhir satu dan dua dengan pemenang akan beraksi di final.

"Ini merupakan kali pertama Pestabola Merdeka berjaya dianjurkan secara berturut-turut selepas tempoh 16 tahun, iaitu kali terakhir diadakan berturut-turut pada 2006, 2007 dan 2008 sebelum ia diadakan pada 2013 dan kembali selepas 10 tahun penganjurannya pada edisi tahun lalu 2023," katanya pada 1 Julai.

Nur Dhabitah sah ke Sukan Olimpik

SHAH ALAM - Penerjun wanita negara Nur Dhabitah Sabri akan membuat penampilan ketiganya di Sukan Olimpik Paris menerusi lebihan kuota yang tidak digunakan atlet negara lain.

Khabar gembira itu disahkan oleh Pengarah Teknikal Malaysia Swimming Bryan Nickson Lomas selepas pihaknya menerima e-mel pemakluman daripada Akuatik Dunia pada 28 Jun.

"Nur Dhabitah akan terjun dalam acara 3 meter (m) papan anjal di Paris nanti," katanya seperti dilapor Bernama pada 29 Jun.

Nur Dhabitah yang beraksi pada edisi Rio 2016 dan Tokyo 2020 bakal menemani penerjun muda Bertrand Rhodict Lises yang muncul atlet pertama negara layak ke Olimpik.



DR FAHMI NGAH
Seri Setia

menyerahkan baucar Skim Mesra Usia Emas kepada peserta di Petaling Jaya



DATUK RIZAM ISMAIL
Sungai Air Tawar

memberi peralatan sekolah kepada penduduk di DUN beliau



ANFAAL SAARI
Taman Templer

menghulur kotak makanan di Taman Selayang Mutiara, Gombak



WONG SIEW KI
Seri Kembangan

meninjau kemudahan sekolah di Taman Universiti, Subang Jaya



DR GUNARAJAH GEORGE
Sentosa

menyumbang komputer riba kepada pelajar keluarga B40 di pusat khidmat DUN beliau



MARIAM ABDUL RASHID
Meru

bersama peserta kempen Jom Balik Kampung Ziarah Ibu di Meru, Klang



MUHAMMAD IZUAN KASIM
Kota Damansara

menyampaikan kerusi plastik kepada wakil sekolah di Petaling Jaya



ONG CHUN WEI
Balakong

berbincang masalah curi kabel di Jalan Desa Serdang, Subang Jaya

Jualan murah dapat sambutan

PETALING JAYA - Jualan Ehsan Rahmah (JER) terus mendapat sambutan dan pengunjung mahu program anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) diadakan lebih kerap.

Samsiah Arifin, 70, yang pertama kali berkunjung ke program tersebut terkejut dengan harga ditawarkan yang disifatkan murah dan membantu golongan berpendapatan rendah (B40).

"Sebelum ini pernah dengar JER tetapi tidak berkesempatan untuk pergi sebab jauh, kali ini baru berpeluang untuk berkunjung ke sini, cucus bawakan."

"Harga sangat murah dan berpatut dan berbanding beli di pasar raya di luar."

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana prihatin dengan nasib B40," katanya pada 30 Jun.

Dianjurkan di Dewan Balai Lintang Surau Al-Ikhlasiah di sini, kakitangan swasta, Anwari Hafifi Amer, 30, berkata beliau hanya berbelanja barang dapur tidak sampai RM100.

"Saya beli beberapa ikan, beras, ayam dan telur untuk bekalan ibu dan juga keluarga saya. Harga memang tidak dinafikan memang murah serta menjimatkan."

"Harap JER dapat diteruskan dan pihak PKPS dapat menambah pelbagai



lagi barang pada masa akan datang," katanya.

Siti Nur Fatihah Razilan, 25, turut pertama kali mengunjungi program berkenaan kerana dianjurkan berham-piran rumahnya.

"Hari ini beli barang asas seperti daging, ikan, beras dan ayam. Anggaran bekalan ini boleh tahan lebih sebulan memandangkan di rumah saya tidak ramai ahli keluarga."

"Walaupun harga murah barang ditawarkan juga berkualiti dan segar. Harap dapat dianjurkan lebih kerap," katanya.

Persatuan penduduk PJS 1 South Avenue juara Kebun komuniti jana hasil bulanan

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

PETALING JAYA - Sebelas persatuan komuniti di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya memenangi anugerah hasil kejayaan menjayakan Kebun Komuniti di kawasan masing-masing.

Datuk Bandarnya Mohamad Zahri Samington berkata penilaian mengambil kira tahap penglibatan masyarakat dalam pelaksanaan inisiatif mesra alam, kehijauan dan memupuk semangat kejiranan.

"Proses dibuat mengikut tahap penglibatan golongan seperti kanak-kanak, remaja, belia, orang kurang upaya dan warga emas," katanya sambil menyatakan 88 komuniti dinilai.

Beliau menyempurnakan Penyampa-

ian Sumbangan Pasukan Keselamatan Kejiran Petaling Jaya 2024 dan Hadiah Komuniti Bandar Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan (PJSSR) 2023 pada 25 Jun.

Persatuan Penduduk PJS 1 South Avenue johan Anugerah Komuniti PJSSR 2030 yang membawa pulang wang tunai RM20,000 serta trofi.

Tempat kedua dimenangi Persatuan Penduduk Kampung Tunku SS1 kedua yang wang tunai RM15,000 diikuti Persatuan Penduduk & Pemilik Rumah Damansara Utama ketiga.

Presiden Persatuan Penduduk PJS 1 South Avenue Ishak Salleh kejayaan projek pertanian menggunakan teknologi pintar di kebun komuniti sejak 2016 melayakkannya mereka merangkul johan.

"Pelbagai tanaman diusahakan di kebun komuniti itu serta menjana pendapatan bulanan hingga RM1,500."

Beliau menyempurnakan Penyampa-

dianjuran oleh Menteri Pertanian dan

Promosi projek kediaman

SHAH ALAM - Projek kediaman SA Sentral antara projek hartanah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang mencuri tumpuan di Pilih Karnival di Dataran Kemerdekaan di sini.

Menurut Eksekutif Jualannya Mohd Nor Azlan Mohd Norri, lebih 100 pembeli berpotensi mendaftar sempena prapelancaran projek kondominium di Seksyen 14 itu lantaran lokasinya strategik.

"Projek ini akan dilancar secara rasmi pada September tetapi kita buka dahulu pendaftaran kepada pembeli yang berminat. Kita jangka ia mendapat sambutan hangat," katanya ketika

ditemui pada 30 Jun.

Beliau menambah PKNS turut menyediakan pelbagai tawaran menarik kepada pembeli kediaman antaranya kabinet dapur sehingga RM20,000 secara percuma.

Katanya, pembeli berpeluang menikmati kadar pinjaman dengan faedah lebih rendah daripada Bank Islam menerusi promosi sempena Pilih Karnival.

Mohd Nor Azlan berkata bank itu menawarkan faedah pinjaman 3.8 peratus berbanding 4.1 atau 4.2 peratus sebelum ini selain perjanjian jual beli secara percuma kepada pembeli.

Dua sekolah terima sumbangan wakaf

SHAH ALAM - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyerahkan wakaf fisabilillah RM56,270 kepada dua institusi pendidikan baru-baru ini.

Sumbangan RM50,000 kepada Sekolah KAFA Integrasi Al Hidayah, Petaling Jaya bertujuan menaik taraf pejabat, bilik guru dan set siar raya, menurut perbadanan berkenaan.

Sekolah Kebangsaan Kampung Kuantan, Hulu Selangor pula menerima RM6,270 bagi pembelian dan pemasangan papan pintar di kelas digital sekolah tersebut.

"Semoga sumbangan ini memberi manfaat kepada guru dan pelajar serta menjadikan jariah yang mengalir kepada pewakaf yang menyumbang di PWS sehingga yaumulakhrah," kata kenyataan.

Turut dibuka pada hari penyerahan adalah kaunter wakaf tunai bagi memberi peluang kepada guru melaksanakan ibadah itu melalui kaedah potongan gaji, secara terus dan kod QR.

Mereka yang berminat untuk membuat wakaf boleh berbuat demikian melalui laman sesawang fpw.wakafselangor.gov.my atau ifaqpay.my/go/wakafselangor



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada petender - petender yang berdaftar dengan UPEN Dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah bidang atau sub bidang yang berkaitan sahaja dan masih sah dan berkuatkuasa dibenarkan menyertai tender berikut:-

No. Tender	Tajuk Projek	Kelayakan Petender	Tarikh & Tempat Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen
TENDER/ PTGS/03/ 2024	CADANGAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KHIDMAT SOKONGAN TEKNIKAL BAGI SISTEM SMARTBOX DAN KIOS DI PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR (PTGS) DAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT) NEGERI SELANGOR SELAMA TEMPOH DUA (2) TAHUN	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 140302 DAN 140503 DAN 210101 DAN 210102 DAN 210103 DAN 210104 DAN 210105 DAN 210201 yang masih sah dan berkuatkuasa Dan Berdaftar dengan Sistem Tender Online Selangor 2.0 (Sijil UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa	4 JULAI 2024 (KHAMIS)	RM50.00 Pembayaran melalui Sistem Tender Online Selangor 2.0 Sahaja

- Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai **4 Julai 2024 (Khamis)** pada waktu pejabat dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0.
- Dokumen Tender akan dijual dari **4 Julai 2024 (Khamis)** hingga **24 Julai 2024 (Rabu)** sebelum 12.00 tengahari dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0. Dokumen Tender TIDAK akan dijual selepas tempoh ini.
- Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan hendaklah disediakan dalam sampul yang berasingan dan berlakuri. Setiap satu sampul hendaklah dilabelkan "Tawaran Teknikal" dan "Tawaran Kewangan" di sebelah kiri atas sampul kemudiannya kedua-dua sampul dimasukkan ke dalam sampul besar dan ditandakan dengan jelas pada bahagian atau sampul atau bungkus dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Pejabat seperti berikut:

SULIT-TENDER/PTGS/03/2024

Bahagian Khidmat Pengurusan Tingkat 4, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah 40576 Shah Alam, SELANGOR

- Tarikh tutup tender ini adalah pada **24 Julai 2024 (RABU) jam 12.00 tengah hari**.
- Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh: **3 Julai 2024**

Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor

Cadang sedia kuota wanita beli rumah

7

FAS terokai bidang perhotelan

5

Riezman jual kopi, dekati peminat

8

MPS raih RM54 juta cukai taksiran

19

Faisal jalani pemulihan tangan kiri

21

selangorkini?

MB rasmi jejambat Saujana Putra

HULU SELANGOR - Jejambat Bandar Saujana Putra yang memanfaat 65,000 penduduk di kawasan berkenan bakal dirasmikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari Ahad ini.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim berkata jejambat sepanjang 820 meter itu menghubungkan Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE) dan Lebuhraya Klang Selatan (SKVE).

"Pemeriksaan akhir berkaitan teknikal telah dijalankan, semuanya dalam keadaan baik dan jejambat akan dibuka pada 7 Julai ini," katanya selepas majlis pembukaan semula laluan B66 Jalan Batang Kali-Genting Highlands di sini pada 1 Julai.

Sebelum ini, Amirudin mengumumkan peruntukan kira-kira RM60 juta untuk membina jejambat baharu bagi mengatasi masalah kesesakan di kawasan tersebut.

RM400,000 sedia alatan nelayan

KUALA LANGAT - Seramai 200 nelayan negeri ini menikmati bantuan berjumlah RM400,000 menerusi program Pembangunan Agropreneur Selangor: Bantuan Nelayan.

EXCO pertanian berkata insentif kelengkapan menangkap ikan RM2,000 setiap nelayan merangkumi pukat hanyut atau jaring, tong minyak, kotak ikan dan minyak pelincir.

Menurut Ir Izham Hashim, penerima melibatkan lima Persatuan Nelayan Kawasan Sepang, Kuala Langat, Pelabuhan Klang, Sungai Besar dan Kuala Selangor.

"Ini adalah kesinambungan bantuan untuk terus memperkasa nelayan di negeri ini yang diagihkan dari semasa ke semasa. Kita tengok keperluan dan beri bantuan berdasarkan keperluan mereka."

Semangat harimau ke Olimpik

SHAH ALAM - Majlis Olimpik Malaysia (MOM) memilih rekaan baharu yang menampilkan corak belang harimau untuk pakaian rasmi kontinjen Sukan Olimpik Paris 2024.

Presidennya Tan Sri Mohamad Norza Zakaria dalam kenyataan pada 2 Julai berkata motif belang warna hitam dan kuning rekaan itu turut menonjolkan logo MOM serta Jalur Gemilang.

"MOM berasaskan reka corak baharu ini melambangkan semangat harimau yang sudah menjadi identiti Kontinjen Malaysia sejak kali pertama ia diperkenalkan pada Temasya Sukan Asia Tenggara atau Sukan SEA di Manila 2005," katanya.



KEMBARA ... Wakil Wolfsburg Asia Tenggara Kenhew Tze Kan (tengah) menyerahkan surat tawaran kepada Qaseh Rania (tiga kanan) di Shah Alam pada 27 Jun. Turut hadir Andreas Kruse (tiga kiri), Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Ahmad Azri Zainal Nor (dua kanan) dan Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri Selangor Mohamad Nizam Marjugi (kanan). Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM ▶ BERITA MUKA 21

Sokongan padu rakyat Malaysia

Tabung solidariti lebih RM76,000

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Tabung Solidariti Bersama Selangor FC mengumpul RM76,490.06 sumbangan, melebihi denda RM60,000 terhadap pasukan tersebut sejak dibuka pada 26 Jun hingga 2 Julai.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kutipan itu membuktikan Red Giants menerima sokongan kuat rakyat yang tidak bersatu dengan situasi semasa bola sepak negara.

"Sambutan memberangsangkan. Secara keseluruhannya, Tabung Soli-

dariti Bersama Selangor FC berjaya mengumpul sumbangan berjumlah RM76,490.06.

"Seratus peratus hasil sumbangan akan diserahkan kepada Selangor FC bagi membantu mereka memperjuang keadilan sehingga peringkat tertinggi," katanya dalam majlis serahan kutipan.

Penyerahan pada 3 Julai disempurnakan EXCO Sukan Najwan Halimi kepada Ketua Pegawai Eksekutif kelab Dr Johan Kamal Hamidon.

Menjelaskan wakil rakyat turut menghulur sumbangan, Amirudin berkata Majlis Bandaraya Shah Alam serta KDEB Waste Management antara penyumbang

terbesar, masing-masing RM10,000.

Sementara itu, Dr Johan terharu terhadap sumbangan besar peminat bola sepak yang bersimpati dengan insiden yang menimpa Selangor FC.

"Pada hari Liga Bolasepak Malaysia umumkan denda, kita lihat di sosial media sama ada Facebook, Instagram, laman X, ramai yang tawar beri sumbangan.

"Kerajaan Negeri tampil ambil inisiatif tanpa penglibatan Selangor FC. Sokongan ini tunjukkan bola sepak milik rakyat dan apa yang rakyat rasa betul, mereka luahkan. Ini tunjukkan kuasa rakyat," katanya.

RM10,000 hargai atlet cemerlang

SHAH ALAM - Dua atlet negeri menerima insentif RM10,000 setiap seorang berikut kejayaan mengharumkan nama negara dalam kejohanan bertaraf dunia baru-baru ini.

Atlet Natasha Mohamed Roslan menjuarai acara boling dunia 2023 di Kuwait, manakala Nor Farah Ain Abdullah dalam kejohanan dunia boling padang pada April lalu di Ireland.

EXCO Sukan Najwan Halimi berkata ganjaran itu tanda penghargaan Kerajaan Selangor yang berbangga dengan pencapaian kedua-dua atlet terbabit.

"Kerajaan Negeri amat menghargai sumbangan atlet Selangor yang mengharumkan nama Malaysia dan negeri ketika mewakili negara dalam kejohanan di pentas dunia," katanya.

Najwan menyempurnakan penye-

rahan insentif atlet Selangor di Hotel Concorde di sini, yang turut dihadiri Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri Selangor Mohamad Nizam Marjugi pada 28 Jun.

Majlis tersebut turut meraikan lapan atlet negeri yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2023 dan menerima insentif RM5,300.